


Jilid IV
Bil. 3



Hari Rabu
15hb Mei, 1974

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament


PENGGAL YANG KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 201]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 213]



MALAYSIA
PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Rabu, 15hb Mei, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J.E.S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P. Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- .. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- .. DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- .. TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- .. TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- .. TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- .. DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).
- .. DATUK KHOO SIAK CHEW, S.P.D.K. (Sabah).
- .. TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- .. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- .. TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- .. DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- .. TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- .. DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- .. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN OOI ENG HONG (Kedah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- .. TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- .. DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- .. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
- .. DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- .. DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG,
P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R.,
S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD,
S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T.
(Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J.,
K.M.N. (Johor Bahru Barat).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN
(CHINA)—BANGUNAN UZUR

1. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian ini sedar bahawa banyak bangunan-bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) di negara ini adalah sangat buruk terutama sekali bangunan-bangunan sekolah di kawasan-kawasan luar bandar di Perak, dan jika ya, samada Kerajaan bercadang untuk membina bangunan-bangunan sekolah baru untuk menggantikannya dengan segera.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, ya. Saya sedar bahawa banyak bangunan-bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di negara ini sudah uzur, sebagaimana juga saya sedar bahawa bangunan-bangunan sekolah lain, iaitu Sekolah Kebangsaan dan Tamil adalah uzur juga. Kementerian saya akan membina bangunan-bangunan baru bagi menggantikan bangunan-bangunan yang telah uzur mengikut keutamaannya dan mengikut peruntukan wang yang diluluskan oleh Parlimen tiap-tiap tahun.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
PELAJARAN

2. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian bercadang untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Perkhidmatan Guru-guru sebagaimana yang dicadangkan oleh Lapuran Aziz untuk menggantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, dan jika ya, atau jika sudah, berikan tarikh penubuhannya dan nama pengerusinya serta ahli-ahlinya.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran telah pun ditubuhkan pada 1hb Januari, 1974. Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya tersebut ialah seperti berikut:

(i) Pengerusi—

Tan Sri Sheikh Hussein bin Sheikh Mohamed.

(ii) Ahli-ahli—

(a) Encik Halimi bin Sharbaini

(b) Encik Tan Chin Gan

(c) Encik Rajaratnam Vivakananda

(d) Encik Mohd. Zain bin Abdul Rashid.

GURU-GURU—TANGGAGAJI

3. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang mengulangkaji tanggagaji \$205-580 bagi guru-guru di Kategori B1 dalam Perkhidmatan Pelajaran kepada tanggagaji yang dicadangkan oleh Lapuran Aziz iaitu \$250-\$720 sekiranya permintaan mereka untuk masuk ke Kategori C2 dari Kategori B1 tidak diluluskan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang dalam pertimbangan Kerajaan.

PEGAWAI-PEGAWAI PERUBATAN
TINGKATAN TERTINGGI

4. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan Pegawai-pegawai Perubatan dan pakar-pakar Perubatan yang memegang jawatan-jawatan tertinggi dan ijazah yang dipegang oleh tiap-tiap seorang itu dan samada Menteri akan menimbang menambah bilangan jawatan-jawatan tertinggi dalam perkhidmatan perubatan untuk pegawai-pegawai yang layak menerimanya untuk mengelak perletakan jawatan oleh pakar-pakar perubatan dari Kementerian Kesihatan.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Pegawai-pegawai Perubatan yang memegang jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi dan peringkat-peringkatnya adalah seperti berikut:

Tingkatan Tertinggi "A"	...	1
Tingkatan Tertinggi "B"	...	2
Tingkatan Tertinggi "C"	...	3
Tingkatan Tertinggi "D"	...	11
Tingkatan Tertinggi "E"	...	19
Tingkatan Tertinggi "F"	...	54
Tingkatan Tertinggi "G"	...	132
		222

Kementerian sememangnya dari semasa kesemasa mengkaji kedudukan perjawatan Tingkatan Tertinggi bagi doktor-doktor dengan tujuan memberi banyak peluang untuk naik pangkat. Misalnya, dari tahun 1971 hingga tahun 1973, 67 jawatan Tingkatan Tertinggi baru telah diwujudkan dan 60 jawatan Tingkatan Tertinggi yang ada dinaikkan peringkatnya. Sekarang ini perjawatan Tingkatan Tertinggi bagi doktor-doktor adalah sedang dikaji dan perakuan sewajarnya untuk menambah lagi jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi akan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa dengan menaikkan pangkat doktor-doktor pakar tidaklah menjadi satu jaminan yang mereka tidak akan meletakkan jawatan. Ada doktor-doktor pakar dalam Tingkatan Tertinggi yang telah meletak jawatan kerana membuka klinik-klinik sendiri dan ada pula yang meletakkan jawatan apakala diberitahu dia akan dipilih memangku jawatan Tingkatan Tertinggi, tetapi akan ditukarkan ke tempat yang lain.

DEMAM KEPIALU (TYPHOID)

5. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kes-kes demam kepialu (typhoid) dan demam denggi di Negeri-

negeri dalam Semenanjung Malaysia pada bulan Januari, Februari dan Mac tahun ini dan samada bilangan kejadian demam kepialu di Johor Bahru bertambah dalam bulan Februari dan Mac tahun ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes-kes demam kepialu yang telah dilaporkan oleh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ialah:

Januari	61 kes
Februari	65 kes
Mac	71 kes

Jumlah kes-kes demam denggi dan demam denggi Haemorrhagic ialah:

	<i>Denggi</i>	<i>Demam Denggi Haemorrhagic</i>	<i>Jumlah</i>
Januari	... 24 kes	16	40
Februari	... 17 kes	13	30
Mac	... 30 kes	24	54

Di Johor Bahru tidak ada kejadian demam kepialu yang bertambah di dalam bulan Februari dan Mac tahun ini.

KELAS-KELAS PERPADUAN RAKYAT

6. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan:

- (a) berapa bilangan Guru-guru dan Penyelia-penyelia keturunan India dan China yang berkhidmat dalam Kelas-kelas Perpaduan Bahasa Malaysia di bawah Kementerian beliau;
- (b) berapa bilangan mereka mengikut Negeri-negeri dalam Malaysia;
- (c) apakah kelayakan yang diperlukan bagi tiap-tiap Guru dan Penyelia kelas-kelas ini;
- (d) butir-butir mengenai kejayaan yang telah dicapai oleh Kelas-kelas Perpaduan Bahasa Malaysia ini; dan
- (e) selain daripada mengadakan Kelas-kelas ini, apakah tindakan-tindakan lain yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalak pelajaran Bahasa Malaysia.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan Guru dan Penyelia keturunan India dan China yang berkhidmat dalam kelas-kelas Perpaduan Rakyat pada 31-12-1973 adalah seperti berikut:

	<i>Guru</i>	<i>Penyelia</i>
India ...	194	10
China ...	344	52

- (b) Bilangan mengikut Negeri-negeri di Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Guru</i>		<i>Penyelia</i>	
	<i>India</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>China</i>
Johor ...	9	36	1	9
Melaka ...	5	17	—	3
Negeri Sembilan	41	19	2	1
Selangor ...	71	49	1	12
Perak ...	17	105	3	13
Kedah ...	37	26	2	4
Pulau Pinang ...	1	19	—	3
Perlis ...	—	4	—	—
Kelantan ...	2	4	—	—
Trengganu ...	—	2	—	1
Pahang ...	11	21	1	4
Sarawak ...	—	42	—	1

- (c) Kelayakan yang diperlukan bagi tiap-tiap guru adalah seperti berikut:

(i) Sijil Rendah Pelajaran dengan kepujian dalam Bahasa Kebangsaan; atau Darjah 6 Sekolah Melayu dengan pengalaman dalam mengajar kelas-kelas dewasa.

(ii) Umur tidak kurang daripada 23 tahun.

Untuk Penyelia-penyelia kelayakan yang diperlukan adalah seperti berikut:

(i) Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysian Certificate of Education (tidak diwajibkan).

(ii) Giat dalam kerja-kerja sosial dan kebajikan.

(iii) Umur tidak kurang daripada 23 tahun.

- (d) Kelas Perpaduan Rakyat telah mencapai kemajuan yang besar semenjak diambil alih oleh Kementerian Perpaduan Negara pada tahun 1970. Ini dapat dilihat dengan nyata kerana kelas dan pelajar-pelajar tersebut telah bertambah lebih daripada 100% daripada 1,115 buah kelas dan 26,757 orang pelajar pada tahun 1970 kepada 2,365 buah

kelas dan 56,728 orang pelajar pada 31-12-73. Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa kelas-kelas ini adalah dibuka mengikut kehendak orang ramai. Walau bagaimanapun, kejayaan yang telah dicapai oleh Kelas Perpaduan Rakyat bukan sahaja dari segi banyaknya tetapi juga dari segi nilainya. Kelas-kelas ini telah banyak menolong mengembangkan pendidikan kewarganegaraan dan penggunaan Bahasa Malaysia di negara ini. Yang Berhormat Senator itu hanya perlu melihat rancangan Kuiz Perpaduan di TV untuk membuktikan kejayaan Kelas Perpaduan Rakyat.

- (e) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum sekarang ini Bahasa Malaysia ialah satu mata pelajaran yang wajib untuk peperiksaan-peperiksaan LCE, SRP dan MCE/SPM. Sebagai perediaan untuk membolehkan semua mata pelajaran disampaikan dan diperiksa dalam Bahasa Malaysia, Kementerian Pelajaran sekarang ini sedang menjalankan kursus-kursus untuk memperbaiki mutu Bahasa Malaysia bagi guru-guru dalam masa cuti sekolah.

Dalam usaha-usahanya untuk menggalakkan pelajaran Bahasa Malaysia Kementerian Pelajaran juga telah mengadakan beberapa buah rancangan yang dikhaskan untuk murid-murid sekolah. Rancangan-rancangan seperti "TV Pendidikan" dan "Radio Pendidikan" adalah bertujuan untuk membolehkan pelajar-pelajar menguasai Bahasa Malaysia bagi tujuan-tujuan peperiksaan dan juga kegunaan sehari-hari.

Kementerian Penerangan pula telah juga mengadakan beberapa buah rancangan melalui radio dan TV bagi menggalakkan pelajaran Bahasa Malaysia. Antara rancangan-rancangan itu ialah "Learn A Word A Day" yang disiarkan tiap-tiap hari melalui semua rangkaian, selain daripada Rangkaian Nasional. "Bahasa Malaysia", satu rancangan setengah jam yang disiarkan dua kali seminggu yang dikhaskan untuk pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan S.P.M./M.C.E. dan "Belajarlah Bahasa Anda", satu rancangan 3 minit yang dipancarkan tiap-tiap hari di TV. Kementerian ini telah juga mendabing beberapa buah rancangan

luar negeri di TV dalam Bahasa Malaysia, dan di samping itu juga ia telah mengadakan sarikata dalam Bahasa Malaysia bagi rancangan-rancangan TV yang tidak dalam Bahasa Malaysia.

Selain daripada rancangan-rancangan yang saya sebutkan itu Kementerian itu dengan Kementerian-kementerian yang lain telah mengadakan rancangan "Bahasa Kita" dan "Kuiz Perpaduan" untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia.

Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa juga menjalankan "Kelas-kelas Belajar Rumi" untuk mereka yang boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia tetapi masih tidak boleh menulis dan membaca dalam sekrip Rumi.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Peguam Negara itu nyatalah iaitu kelas-kelas perpaduan rakyat ini ditubuhkan dengan permintaan daripada mereka yang ada di kampung-kampung itu. Daripada angka yang diberi sangat sedikit bilangan guru-guru daripada bangsa India. Adakah ini menunjukkan daripada penyiataan Kementerian ini iaitu orang-orang India tidak berminat untuk memasuki kelas-kelas perpaduan ini?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya susah hendak jawab perkara itu, sebab memandang pada angka ini saya mengagak dalam satu-satu negeri itu kalau kurang orang India atau rakyat kita yang berketurunan India, kurangnya gurunya seperti di Perlis tidak ada guru keturunan India, cuma 4 orang keturunan China, kita tahu di sana tidak banyak orang India. Di Kelantan cuma 2 sahaja guru keturunan India. Mengikut angka ini tidaklah bermakna

orang India itu tidak ada minat sangat dalam pelajaran ini. Misalnya, dalam Negri Sembilan: India 41 orang guru, China cuma 19 orang. Kita tahu di Negri Sembilan lebih ramai orang India daripada China misalnya. Di Perak pula India cuma 17 orang guru, China 105 orang guru. Memandangkan hal ini sepatutnya kalau semua orang India hendak belajar di sana lebih daripada 17 orang guru. Saya susah hendak terangkan dan daripada angka-angka ini bolehlah kita buat analisa.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Peguam Negara telah menyebutkan berkenaan dengan butir-butir Kelas-kelas Perpaduan. Selain daripada kelas perpaduan itu pihak radio dan TV mengadakan rancangan "Belajarliah Bahasa Anda". Saya selalu melihat progrem itu, tetapi hurufnya sangat kecil, banyak yang tidak nampak. Bolehkah Peguam Negara atau pihak Talivisyen membesarkan huruf-huruf itu, untuk menyenangkan penuntut-penuntut?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampaikan perkara ini kepada Kementerian Penerangan kalau sekiranya betul sukar hendak dibaca kerana huruf itu terlalu kecil.

Tuan Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya dalam kelas perpaduan ini selain daripada mengajar bahasa dan mengadakan "Kuiz Perpaduan", adakah dalam kelas ini ditiok beratkan mengetahui perinsip-perinsip Rukunegara?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Penerangan memang diberi dan itulah tujuan kita yang besar menerangkan perinsip-perinsip Rukunegara untuk menyatu-padukan rakyat; perkara itu sebagai teras pelajaran.

SAMSU—MEMBUAT/MENJUAL

7. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa kerja-kerja membuat dan menjual samsu haram semakin merebak dan selain daripada bahayanya kepada peminum-peminum dari segi kesihatan, ia juga menyebabkan Kerajaan kehilangan berjuta-juta ringgit sebagai cukai dan jika sedar, apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi keadaan ini; dan
- (b) adakah Kerajaan akan mengenakan hukuman yang berat ke atas pembuat-pembuat, penjual-penjual dan peminum-peminum samsu haram atau meminda undang-undang yang ada sekarang untuk mengawal penjualan samsu secara haram.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan (a) adalah tidak benar bahawa kerja-kerja membuat dan menjual samsu haram telah merebak. Kerajaan telah mengambil berbagai langkah bagi mencegah pengeluaran samsu haram ini.

Semenjak tahun 1968 lagi Kerajaan telah mengadakan peraturan untuk menyekat tempat-tempat pengedaran dan penjualan samsu di dalam negeri. Peraturan itu telah dibuat dengan cara mengadakan satu peraturan kawalan yang dinamakan peraturan-peraturan eksais (membotol dan memindah minuman-minuman mabuk) 1968 yang mana memerlukan semua perusahaan-perusahaan yang berkait dengan proses membotol, membancuh, menyebati atau mengubah minuman-minuman mabuk dalam tarif "buat" (manufacture) mendapatkan lesen mengikut peraturan-peraturan perlesenan di bawah Akta Eksais, 1961. Pengawalan yang dibuat adalah ditujukan kepada perusahaan-perusahaan memproses bahan-bahan minuman arak yang menggunakan samsu sebagai salah satu bahan untuk diproses. Pentadbiran peraturan itu adalah dikuatkuasakan dengan ketatnya iaitu sekiranya mana-mana satu perusahaan yang dilesenkan di bawah peraturan didapati memproses samsu yang tidak membayar duty, lesen-lesen perusahaan seperti ini akan ditarik balek.

Jabatan Kastam dan Eksais di-Raja terus juga berwaspada dan bertindak keras dalam kempennya ke atas pemasak-pemasak samsu haram. Daripada awal tahun ini sehingga bulan Mac, Jabatan Kastam dan Eksais di-Raja telah mendakwa seramai 21 orang yang bersabit dengan kesalahan membuat samsu haram. Denda yang telah dikenakan oleh mahkamah-mahkamah di atas kesalahan-kesalahan yang berkaitan di dalam tempoh yang sama berjumlah sebanyak \$15,999. Selain daripada itu 491.89 gelen samsu haram, 43,620 gelen tapai dan 118 alat-alat memasak samsu telahpun dirampas. Tindakan keras ini akan terus dijalankan oleh Jabatan Kastam.

Selain daripada itu, Dewan ini juga mungkin ingat tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam tahun 1971 untuk mengurangkan kadar duty eksais di atas samsu-samsu buatan tempatan yang berlesen dari \$30 bagi satu proof gelen kepada \$20 satu proof gelen yang telah mula dikuatkuasakan daripada 6hb Januari, 1972. Tujuan mengurangkan kadar duty ini adalah bagi mencegah kegiatan membuat samsu haram. Jumlah samsu pengeluaran yang berlesen dan yang telah dilepaskan daripada bond bagi tujuan duty bagi tahun-tahun 1972 dan 1973 telah menunjukkan jumlah tambahan jika dibandingkan daripada jumlah pengeluaran samsu yang berlesen dan dilepaskan daripada bond bagi tahun 1971. Angka-angka yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Samsu	Dengan kadar \$30 per proof gelen		Dengan kadar \$20 per proof gelen mulai dikuatkuasakan 6-1-1972				
	1971	1972	1972	1973	1973	1973	
Pengeluaran	139,990 gelen	168,013.84 gelen	230,884 gelen
Dilepaskan daripada bond	128,438 gelen	159,908 gelen	201,473 gelen
Duty eksais	\$3,823,450	\$3,211,686	\$4,141,153

Angka-angka yang dimaksudkan tadi menunjukkan kejayaan yang dicapai akibat daripada dasar yang ditentukan bagi mengurangkan duty eksais supaya menggalakkan pengeluaran samsu yang berlesen. Seterusnya dengan tindakan-tindakan kawalan yang tegas yang terus dijalankan oleh Jabatan Kastam di dalam kempennya di atas pengusaha-pengusaha samsu yang tidak berlesen. Kerajaan percaya bahawa jumlah bilangan pemasak-pemasak samsu haram akan dapat dikurangkan.

(b) Perbekalan-perbekalan bagi hukuman ke atas pembuat-pembuat, penjual-penjual dan peminum-peminum samsu haram adalah difikirkan mencukupi dan Kerajaan tiada berhasrat pada masa ini meminda undang-undang yang ada sekarang.

KUARI-KUARI KERAJAAN- KERAJAAN NEGERI

8. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

- (a) dimanakah letaknya kuari-kuari kepunyaan Kerajaan-kerajaan Negeri; dan
- (b) samada boleh atau tidak Kerajaan membuat simin sendiri dari batu-batu yang terdapat di kuari-kuari tersebut.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) terdapat dua buah kuari-kuari yang ditubuhkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, iaitu Kuari Bukit Mor di Johor dan Kuari Bukit Perak di Kedah. Kuari-kuari yang lain sebanyak dua-puluh tujuh (27) buah termasuk kuari-kuari pusat iaitu:
 - (i) 3 di Johor
 - (ii) 1 di Kedah
 - (iii) 2 di Kelantan
 - (iv) 1 di Melaka
 - (v) 3 di Negri Sembilan
 - (vi) 7 di Pahang
 - (vii) 2 di Perak
 - (viii) 2 di Pulau Pinang dan Seberang Prai
 - (ix) 2 di Selangor
 - (x) 4 di Trengganu.

Ini adalah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan di mana perbelanjaan untuk pembelian alat-alat dan pemasangan bagi kuari-kuari tersebut adalah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, sementara kuari-kuari ini diuruskan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing.

- (b) Kebanyakan kuari-kuari J.K.R. adalah mengeluarkan batu-batu 'granite' yang tidak sesuai langsung untuk membuat simin. Walaupun terdapat setengah-setengah kuari yang mengeluarkan batu kapur (limestone) kajian-kajian lanjut adalah diperlukan untuk menetapkan penyesuaiannya. Batu kapur sahaja tidak memadai untuk dijadikan faktor asas bagi penubuhan kilang simin. Lagi pun alat-alat kuari yang terdapat pada masa sekarang adalah semata-mata untuk mengeluarkan batu-batu pecah (aggregates) untuk tujuan pembinaan

jalanraya sahaja yang tidak sesuai bagi pengeluaran simin. Setakat ini bukanlah menjadi tujuan Kementerian saya untuk menceburkan diri dalam perusahaannya simin.

BEKAS-BEKAS PERAJURIT

9. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk menolong bekas-bekas perajurit.

Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang pernah saya katakan dahulu beberapa langkah yang tegas seperti pembukaan projek rancangan tanah di Sungai Koyan, Pahang, khas untuk bekas-bekas perajurit, projek latihan kemahiran dan sebagainya telahpun dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan untuk membantu bekas-bekas perajurit. Untuk menentukan bahawa langkah-langkah dan projek-projek itu berjalan dengan licinnya, Kementerian Pertahanan telah membuka cawangan-cawangan Bahagian Hal Ehwal Bekas Anggota Tentera, buat permulaannya di Johor Bahru bagi menjaga kawasan selatan, di Pulau Pinang Bahagian Utara dan juga sebuah lagi di Kuantan untuk menjaga di kawasan-kawasan Pantai Timur. Dengan ini, kami melihat atas perjalanan cawangan-cawangan ini, jika perlu, dan jika didapati mustahak diadakan lagi cawangan-cawangan lain akan dikaji kemungkinan bagi mengadakan cawangan-cawangan ditempat yang lain. Dengan penubuhan cawangan-cawang di peringkat negeri ini, usaha-usaha untuk mencari pekerjaan serta melayan rayuan-rayuan bekas-bekas perajurit di dalam berbagai bidang akan dapat diuruskan dengan lebih licin dan sempurna lagi. Tindakan juga akan diambil untuk menentukan bukan sahaja latihan kemahiran yang sedang dijalankan oleh bakal bekas-bekas anggota tentera di pusat-pusat latihan seperti di Industrial Training Institute, seperti badan-badan swasta di Kuala Lumpur dan badan lain akan diperluaskan lagi bahkan latihan-latihan yang diperolehi diberi penghargaan sewajarnya oleh pihak-pihak swasta, jabatan separuh Kerajaan dan juga jabatan-jabatan Kerajaan. Pusat-pusat latihan yang pada masa ini memberi latihan teknik kepada bakal bekas-bekas anggota tentera akan diperbesarkan lagi jika permohonan daripada

bakal bekas anggota tentera bagi menjalani kursus-kursus itu bertambah di masa hadapan.

Kerajaan juga baru-baru ini telah bersetuju mengkaji kemungkinan membina rumah-rumah harga murah di kawasan bandar bagi bekas anggota-anggota tentera.

KILANG-KILANG SENJATAPI

10. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang membina kilang-kilang senjatapi di negara ini untuk mengurangkan perbelanjaan membeli bom dan senjatapi yang bernilai berjuta-juta ringgit dari luar negeri; ataupun samada Kerajaan akan menimbang mendirikan kilang-kilang tersebut secara perusahaan bersama dengan negara-negara lain.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah dalam pertimbangan Kementerian Pertahanan. Oleh kerana persoalan kewangan, kekurangan kemahiran dan juga masaalah bahan-bahan mentah yang terpaksa diimport perlu dikaji dengan lebih mendalam lagi keputusan yang muktamat mengenai perkara ini belum dibuat lagi.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kepada Ke Bawah Duli kerana Titah Ucapan Ke Bawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Ketiga". (14hb Mei, 1974).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab hari ini ialah hari penghabisan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian membahaskan Usul menjunjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan oleh kerana saya nampak ramai lagi Ahli-ahli yang hendak bercakap, maka saya berterima kasih dan diharaplah Ahli-ahli dapat meringkaskan ucapan seberapa yang boleh.

Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini, sila angkat tangan.

(17 orang Ahli mengangkat tangan).

Kita cuma ada tiga jam suku lagi (200 minit), 10 minit bagi tiap-tiap seorang Ahli. Oleh kerana itu, saya akan menetapkan seorang 10 minit supaya semua orang berpeluang mengambil bahagian. Hari ini kita hendak tamatkan perbahasan pada pukul 6.30 petang.

Yang Berhormat Tuan Amaluddin bin Darus, sila sambung ucapannya.

Perbahasan disambung semula.

3.05 petang.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyambung ucapan saya kelmarin yang telah saya sentuh mengenai dengan kawalan beranak (birth control). Saya mengharapkan supaya Kerajaan mengkaji semua janganlah pressure atau tekanan politik dari Amerika, misalnya, Bank Dunia di dalam memberi bantuan kepada negeri-negeri dalam dunia ini, ada disyaratkan tentang mesti digalakkan kawalan beranak. Di antara negeri-negeri di Tenggara Asia yang tidak mahu menerima sekatan itu dan tidak perlu menerima bantuan dari Bank Dunia ialah negeri Burma dan Malaysia termasuk negeri yang sanggup menerima pedoman dan panduan, tekanan dan pengkhianatan daripada Amerika, daripada Bank Dunia.

Maksud dari kuasa-kuasa Barat atau dibelakang mereka adalah Israel, mengecilkan bilangan manusia daripada golongan-golongan lain supaya mereka mempunyai peluang yang cukup untuk menakluki dunia seluruhnya bagi pihak mereka sendiri. Kejahatan international ini hendaklah kita sedari, dan

kita biarkan beranak seberapa banyak yang boleh asalkan seperti apa yang saya katakan kelmarin yang mempunyai penyakit (disease) yang boleh membawa kepada keturunan atau keuzuran yang tidak memberi kemampuan untuk melahirkan anak oleh kerana kesihatan ibu, itu sahaja yang patut digalakkan agar tidak lagi melahirkan anak.

Selain daripada itu, bagi maksud hendak meringkaskan sebanyak-banyaknya ucapan saya ini, saya mengambil peluang juga bercakap tentang bahasa iaitu apa yang telah diucapkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Dzulkifli daripada Sabah kelmarin mengerai dengan bahasa pengucapan adalah satu hal yang sangat patut diperhatikan oleh pihak Kerajaan, khususnya oleh RTM yang menjadi sumber pelaksanaan dan penyampaian bahasa keseluruh negara kita. Beberapa tahun yang lalu telah saya timbulkan perkara ini dan tidak payah saya ulangi, kerana saya mahu melihat seberapa cepat yang boleh bahawa ada standard di dalam pengucapan bahasa walaupun bahasa-bahasa daerah itu berbeza-beza, tetapi kita mempunyai bahasa yang standard yang disebut sama seperti ejaannya. Dengan cara yang seperti itu tidak akan menimbulkan keraguan kepada sesiapa pun yang mahu mengikuti perkembangan Bahasa Melayu yang sekarang menjadi bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia yang hidup dari sejak beribu-ribu tahun sebagai bahasa "*lingua franca*" bagi Gugusan Pulau-pulau Melayu dan sekarang sedang dapat perhatian dari bangsa-bangsa di dunia, kerana keadaan politik dan ekonomi bagi negara-negara di daerah ini seterusnya Malaysia dan Indonesia.

Adalah sangat saya mengharapkan agar Kerajaan lebih bertindak tegas dalam pelaksanaan Bahasa Malaysia di dalam negara kita supaya tidak terjadi seperti sekarang ini keadaan sambil lewa, bukan usaha-usaha Kerajaan sambil lewa, sambutan rakyat sambil lewa. Saya boleh katakan ertinya sampai hari ini anak-anak yang kita tanya dengan Bahasa Malaysia tidak boleh bertutur dengan baik, akan tetapi mereka berkeliaran di sekeliling rumah dengan bahasa Inggeris. Bukan daripada golongan bumi-putra, sampai hari ini anak-anak yang dalam lingkungan umur 11 tahun, 9 tahun, 10 tahun boleh berbicara dengan bahasa Inggeris sesama sendiri, tidak mahu menggunakan bahasa ibunda mereka, tetapi kalau ditanya dengan Bahasa Malaysia mereka kekok,

kaku untuk menjawab. Keadaan ini mesti diperhatikan selain daripada sebab-sebab yang saya sentuhkan dalam ucapan saya kelmarin tentang pendidikan di samping pelajaran di sekolah-sekolah. Pendidikanlah yang akan menimbulkan satu keadaan yang baru, identity baru kepada bangsa Malaysia di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda menyentuh dengan penuh harapan tentang kemajuan bagi negara kita, keamanan bagi negara kita dan perpaduan bagi negara kita. Setiap orang mengharapkan itu. Untuk mencapai kemajuan kita harus mempunyai rencana dan kemajuan ini seperti kita membina satu kotak dan kotak ini boleh diruntuhkan sesudah siap dibina. Itu sebab saya katakan pendidikan adalah satu hal yang sangat penting dikaji oleh Kerajaan bagi memelihara kemajuan yang kita capai supaya dengan pendidikan itu dan pelajaran yang kita punyai, terutama dalam bidang sains dan teknologi dapat memelihara dan menguatkan kita dalam kemajuan yang sedang kita usahakan dan tidak akan menimbulkan satu keadaan yang dipengaruhi oleh anasir-anasir luar atau apa yang dikatakan kebudayaan kuning yang begitu hebat merebak di negara kita yang boleh merusakkan binaan-binaan kemajuan yang kita usahakan itu.

Berhubung dengan keamanan, semalam telah saya sentuh tentang bahaya dari hal kominis yang sedang memperhebatkan kegiatan mereka dan hubungan dengan kegiatan di Tenggara Asia yang saya harap Kerajaan dapat memberi pertimbangan pada keseluruhannya di samping itu saya meminta jika Kerajaan mahu bertindak, bertindaklah secara keras. Penyokong-penyokong kominis adalah lebih berat musuh kita kerana mereka yang menghidupkan kegiatan kominis di hutan. Jadi bertindak terhadap mereka sebagai musuh yang utama mempercepatkan kegiatan-kegiatan di dalam hutan kerana kegiatan dalam hutan tidak hidup, melainkan dengan kerana kegiatan yang cukup cergas di luar hutan.

Di samping itu untuk mendapat keamanan yang sejati Kerajaan harus memperlihatkan kasih sayang kepada rakyat seluruhnya. Memperlihatkan kasih sayang kepada rakyat seluruhnya sebagai anak-anak dengan tidak membezakan, dengan tidak ada rasa prejudice tentang perkauman apabila kita mahu

bercakap tentang bangsa Malaysia. Dengan jalan itu kita dapat mengikat hati. Ini adalah konsep dari Islam sendiri iaitu kita tidak boleh membelanjakan berapa juta tan mas yang mempunyai nilai untuk menyatukan hati manusia, kecuali hati manusia itu dapat disatukan dengan suatu sebab yang diberi oleh Allah subhanahu wa taala iaitu usaha Kerajaan yang memerintah mencari jalan menarik mereka berkasih sayang. Hanya dengan jalan itu seluruh masalah perkauman di negara kita akan dapat diselesaikan sedikit demi sedikit dan akan lahirlah keamanan yang sejati. Jika tidak apa yang telah diusahakan oleh seorang ahli Dewan Negara kelmarin mengenai dengan hal-hal pembahagian tanah dan sebagainya, beliau telah memberi satu contoh bagaimana yang berlaku di Ireland Utara bertentangan antara Catholic dengan Protestant dan sebagainya yang mungkin menimbulkan keadaan yang seperti itu di negara kita pada masa hadapan. Bagi maksud kasih sayang itu jangan ada berlaku pada pemimpin Kerajaan seperti pepatah Melayu: Kena di mata dipejamkan, kena di perut dikempiskan. Jika mahu melihat Kerajaan yang kukuh dan panjang umurnya, mahu melihat perpaduan dan keselamatan negara ini kasih sayang rakyat kepada Kerajaan mesti bertindak tegas, maka bertindak tegas kepada siapa sahaja yang mengkhianati kepada dasar-dasar negara. Dengan sebab itu, pemerintah disayangi rakyat, perpaduan dapat dicipta dan kita dapat menyelamatkan negara kita ini dari jenerasi ke jenerasi.

3.15 ptg.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul yang dikemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan bagi menyembahkan ucapan syukur Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan yang telah dilafaskan di Parlimen pada 15hb April yang lalu. Tiap-tiap tahun kita di Parlimen ini berpeluang mendengar Titah Ucapan Baginda dan Titah Ucapan Baginda ini adalah mencerminkan dasar-dasar Kerajaan dan apa yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam tahun yang lepas dan akan dibuat pada masa hadapan. Ada berbagai-bagai perkara disebutkan dalam Titah Ucapan Baginda ini dan sukalah saya memberi pandangan saya atas beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) In view of the shortness of time, I should like to just briefly state my views more as points rather than as a speech. His Majesty has referred to the question of workers and their interests and the necessity of an equitable share by the workers of the fruits of national development. This has been very clearly stated and it is a good policy statement. I am glad to note that Government intends to bring up-to-date the Labour legislation, particularly the Employment Ordinance, 1955, so that there could be comprehensive labour standards in the country.

Touching on this, I would like to just mention one point and that is reference of wrongful dismissals to the National Industrial Arbitration Tribunal. A lot of cases are referred to this Tribunal by the Minister of Labour where he is unable to reinstate wrongful dismissal cases and the Tribunal is very often bogged down with cases of this kind, which are cases generally concerning individuals rather than industrial disputes involving a large number of persons; it is not a labour dispute arising out of collective bargaining and so on. It would be better for matters like this to be referred to the normal Court of Law seeking the common law remedies for wrongful dismissal. There adequate remedies are available and I do not see why a Labour Industrial Court should be saddled with so many individual cases of this nature which are not really of a labour dispute type of cases.

The other point, Sir, is one of the communities in estates. As we know, the estates are still private properties, but many of the bigger ones have large social communities. In some estates there are people as many as a few thousands living there and of all races and they have developed themselves or grown into social communities and when there are communities, then the interest of the communities must override the interest of private ownership in respect of certain rights of citizenship. In those days when the citizenship rights were not there during the colonial time, one can understand they were treated as private property and that they could say that no one could come into the property without their permission on community interests and matters related to community. But today, Sir, we have matters of economic

interest, social interest, cultural interest and political interest and these people living in the estates are not exposed to them unless permission is granted by the estate management. I think this is not consistent with the rights of citizenship which have been accorded to the people. The management should not be allowed to prevent the various forces which have to move into these areas to work for the interests of this social community, and they should not be still treated as private property in so far as the interests of social communities are concerned. I think here the concept itself has to be changed in view of the changed circumstances. The relevant legislation must be looked into and suitable amendment be brought, so that the people in the estates will have their normal rights as the people outside the estates because of the fact that the character of social community has come into being.

The other thing I would like to suggest is the fact that in view of the large number of motor accidents that are taking place and the growth of vehicle population in the country and of the fact that many people have to claim damages and these often go to court and many parties are involved in this—the victims or their beneficiaries, insurance companies, lawyers, the police and doctors—this has become one of social importance where the Government has got to take a greater look into it. Very often a breadwinner is killed or maimed, leaving a large number of beneficiaries, some of them of very young age and not being able to look after themselves or their families and they become a burden to the society. So the society's conscience here will have to respond to this situation in view of the ever increasing volume of traffic accidents. What I would like to suggest here is that instead of allowing the people, particularly the poorer people, to seek remedies through their own efforts, there should be a provision in the law which will enable them as a matter of right to seek Government aid through the Ministry of Welfare Services, or the Ministry of Welfare Services can initiate through the Legal Aid Bureau, so that these people can be given legal aid as a matter of right especially when they are poor, as is done in some other countries; and in the United States it is also done in the case of family distress—where a husband leaves the wife, where the wife's maintenance is concerned

and the children's interests are concerned, the District Attorney comes in and makes application to the District Court for the benefit of the wife and children. Taking the same principle here, when the breadwinner is killed the wife and the children, particularly if they are unsophisticated working class people, if they are simply exposed to their legal remedies they are very often exploited by various forces and in the end they may not get what they really deserve to get, and here I think it is time that the Government looked into all the relevant laws to see whether they can get the maximum benefit and exploitation is reduced to the minimum or removed totally. For this purpose if an enquiry should be made, I suggest a commission or some kind of enquiry be initiated so that the laws connected with this can be brought up-to-date. This would be a beneficial legislation and it will help a lot of people and those who do not want to take the benefit of it can opt out of it and seek the remedy outside if they are willing to pay for their own benefit by engaging the type of services they want, such as efficient lawyers and other things, but as for the other people, they should have the society coming to their aid by legislative measures rather than being left to themselves to fend for themselves.

Sir, the other point I would like to mention is that His Majesty has mentioned about the new villages and there is a Minister for New Villages and a lot of money is to be spent for new villages. We all know the history of new villages. There are a few hundred of them in the country and these should not be allowed to develop as one ethnic pattern. This is not consistent with our concept of national unity. We are already living in different sectors—like in kampungs we have Malays, in estates we have Indians, but which are now slowly getting mixed up; then we have new villages which are largely or mainly Chinese. If we consolidate that position I think it is not desirable. If we are trying to create these new villages into small modern urban areas, then they must be deliberately so planned as to bring in other races as well so as to create a multi-racial pattern so that there will not be just one ethnic outlook or identity or centricism built on. This would not be consistent with the principles of the Rukunegara as well. Here again we have to look at it from the conceptual point of view.

On the question of housing, though it has been declared that our intention is to promote a home owning democracy and throughout the country large numbers of houses have been coming up and a lot of people are owning houses by taking loans from finance companies, and this is a good thing, yet it is not having a balanced growth, in that those who have the means are taking advantage of this development but those who do not have the means are being left out. Here again the New Economic Policy will have to be injected so as to seek some degree of balance in the distribution of opportunities. Here we have come to know that in so far as the distribution of houses is concerned that not every community has the required quota of distribution, though in the case of Bumiputras now the Government has stepped in and in a number of States now the policy has already been introduced to allocate a proportion or a quota of these houses for Bumiputras. I suggest that the same criterion should also be adopted for the Indians and at least 10% of these houses that are being built by developers should be allotted to them—i.e. to Bumiputras a certain percentage, to Chinese a certain percentage and also to Indians a certain percentage—and if these people do not take up the houses within a certain time, either directly or through other means, like statutory bodies and so on, then, of course, the developers should be given the option to sell to those who have the wherewithals or the means to buy, because they have invested so much of money, they cannot block their funds and they must see that it is disposed of and as it is a business proposition they cannot be expected to hold on too long. But I think it is a good policy to do that.

One other point, Sir, His Majesty has mentioned in his speech, and quite rightly with a sense of alarm, is about the increased incidence of armed robbery. In this context, the Firearms (Increased Penalties) Act, 1971, which is coming up here as an Amendment Bill, has also been referred to. Sir, there is a great alarm over the increased number of shootings recently and many of them have not been detected at all and quite a number of fatal shootings have taken place, some of them of well-known people. I do not know what is wrong in the Police detection of them. I hear that quite a lot of extortions are going on too.

During the recent past, there has been phenomenal growth in this and I would like to mention here, rather with sad feelings, particularly one incident and that is in connection with an incident that took place in Penang. Here it concerns a lawyer, a politician, and he was confronted by two thugs in his own office. They went there ostensibly to seek legal aid and then suddenly, they whisked out a gun and fired at him. Fortunately, it had only one bullet which he warded off but it hit his hand. If it had gone into his chest, he might have died. Now this incident took place about four months ago. He is the Chairman of the Malaysian Indian Congress of the Penang State Branch and up till now, nothing has been known about the investigation. Earlier on, he was assaulted a few months ago and then this near fatal attack was made. He is in a position to identify the assailants but the Police investigation has not made much headway. On the other hand, some rumours were afloat saying that the attack was made because of some transactions which took place in his office. If there was a transaction, then it would have been the easiest of things to detect the person concerned because everything is documented and it would not be difficult to trace and arrest or question the person. No one has been arrested up to now. I understand that his office has not even been visited and no investigation has been made at all about this transaction. Actually, persons like these feel that they are at a loss in public life and we do not want Members of Parliament and others involved in public life to be carrying guns with them all the time to protect themselves. This is something which is again very frightening and we hope that the Government will look into this and do something about it as quickly as possible.

His Majesty has also mentioned about the Federal Territory which has been established and which has come into being and we are all very happy about it and there is the Datuk Bandar in charge of it. But, Sir, the administration of the Federal Territory will have to be brought up-to-date. Though the Datuk Bandar is efficiently managing it, it is important that there should be public involvement in the administration; there should be some degree of public participation in the administration. There has been an Advisory Board under the old Commissioner system under the Federal Capital Act and the Advisory Board merely advised the

Commissioner whenever he sought their advice. To what extent this has been effectively used subsequently, I do not know, but we hope that since the Federal Capital administration will not have an elected body to look after itself because it is not intended to bring in politics, so that it will be more service-oriented, then suitable people should be appointed as "City Fathers" to assist the Datuk Bandar. He should, under the law, be required to refer some of the important matters concerning the interest of the city and the Federal Territory to this Advisory Board. He may not be bound to accept their advice but he should be required to refer to a Board and the Yang di-Pertuan Agong, of course, should have the right, as he had had the right, to appoint suitable people to this Board. We hope that this will be done so that in the administration of the Federal Territory there will be some degree of participation by the public; otherwise the public will feel that they are being left out.

The final point, Sir, is in respect of the Ministry of Trade and Industry. This is on the question of giving approvals to new industries and also to industries that are not new, because there does not seem to be clearcut criterion in this. What is the objective is also not very clear. This is a small country with a population of 10 millions. In approving industries, the criterion generally should be the capacity of the industry concerned correlated to the consumption of the market; otherwise we will be over-producing and there will be under-utilisation. If an industry has been taken care of with one, two or three units which can take care of the country's needs, then on what basis further units are allowed is not very clear to the public. Sometimes the existing units can supply the entire country's needs and they have reserve capacity—there is, in fact, under-utilised capacity—but you find another unit being approved. When a further unit comes in, what will happen is that there will be a situation of glut, and there might be a price war and over-production and this sort of situation is not desirable. I do not know how the FIDA conceives its principle in this. Since our market is a small market, there should be some kind of rationalisation on this and the criterion of allowing more than one unit or approving additional units of the same product is not very clear. Thank you very much, Sir.

3.38 ptg.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya iaitu mengucapkan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda pada 15hb April yang lalu.

Kalau kita baca Titah Ucapan itu kita dapati bahawa ianya sederhana, panjang pun tidak, pendek pun tidak. Sungguhpun begitu, Titah Ucapan ini mengandungi semua aspek, kebanyakannya boleh dikatakan pembangunan. Kita bolehlah katakan bahawa Titah Ucapan ini padat dan tepat. Sungguhpun begitu, di dalam Titah Ucapan ini ada juga, kalau kita baca betul-betul, shortcomingsnya. Maka pada fikiran saya adalah wajar tanggungjawab kita Ahli-ahli Dewan Negara ini supaya membetulkan shortcomings yang saya katakan itu supaya kita membuat cadangan-cadangan dan syor-syor yang boleh memperelokkan apa yang telah dititahkan oleh Baginda.

Saya suka memulakan dengan perkara yang pertama iaitu perkara beras. Di dalam Titah Ucapan ini ada menyebutkan bahawa dalam pada masa itu Kerajaan Beta sedar bahawa boleh jadi berlaku kekurangan segala beras yang masih terdapat kesulitan bagi rakyat Beta sekarang. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pun berasa dukacita kerana kita kekurangan beras. Pada 3hb Mei ini, saya dapat tahu bahawa Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah membuat satu list yang menunjukkan harga beras yang akan dijual di tiap-tiap negeri yang ditandakan: Zon A, B, C, D, E, F dan sebagainya.

Dalam hal ini, saya tengok harga beras yang tinggi sekali ialah 67 sen, bermakna harga beras itu segantang \$4.00 lebih, iaitu beras panjang. Harga yang rendah sekarang ialah 48 sen sekati, bermakna harga segantang \$2.64 iaitu beras pendek. Harga beras yang begini sangatlah tinggi. Bagaimana Kementerian boleh menetapkan harga yang begini tinggi, sebab sangatlah susah orang hendak membelinya. Kalau seorang labourer bekerja di Kuala Lumpur, gajinya \$3.00 sehari, kalau dia ada 6 orang anak, dia dan isterinya jadi 8 orang. Kalau satu keluarga 8 orang itu makan nasi satu hari, bermakna mereka

makan satu gantang beras. Segantang beras harganya \$4.00 bagaimanakah hamba Allah yang gajinya \$3.00, hendak beli beras \$4.00 itu? Sebab itu saya kata harga beras tak patut mahal sangat. Saya fikir Kerajaan boleh murahkan lagi harga beras, tetapi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tak membuat arithmetic berkenaan dengan harga padi dan beras.

Saya suka memberitahu Dewan ini, iaitu kalau kita beli padi sepikul \$20.00 maknanya pada sepikul padi itu kita akan dapat 10 gantang beras, 10 gantang beras \$20.00 harganya. Tolak cost of production satu gantang beras menjadi cuma \$2.00 sahaja. Kalau kita beri untung 10 sen kepada pengilang, 10 sen kepada pemborong, 10 sen kepada peruncit, maka harganya \$2.30. Bagaimana boleh jadi \$4.00. Itu sebab saya kata mahal sangat. Katakanlah pengilang komplek \$20.00 itu mahal. Jikalau di Kedah saya tahu setinggi-tinggi yang telah dibeli oleh pengilang ialah \$25.00 sepikul, bermakna cost of production satu gantang beras itu cuma \$2.50 sahaja. Kalau kita tambah lagi untung sebanyak 30 sen bermakna \$2.80. Ini pun jauh bezanya iaitu \$1.20. Itulah sebab saya kata namanya Kementerian Perdagangan tak buat arithmetic. Jadi kalau \$2.80 mereka itu mendapat keuntungan dan tambah \$1.00 lagi, maka mereka untung lagi. Dengan cara ini Kerajaan bukan hendak menolong rakyat, tetapi hendak menolong pengilang mendapat untung banyak. Pengilang yang untung semua ini. Maka sebab itulah saya kata patutlah Kerajaan timbang semula kerana maksima yang ditetapkan ini tinggi sangat. Saya nampak tak patut dibubuh harga maksima. Harga \$2.80 sudah cukup, kerana tiap-tiap orang sudah untung. Pengilang untung, pemborong pun untung, peruncit pun untung. Apa yang hendak digaduhkan lagi, maka dapatlah orang kita mencari makan.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dua tiga tahun dahulu semasa saya pergi berjalan ke Haadyai, bila saya balik saya beli beras 4-5 gantang, harganya cuma \$1.00 sahaja, tetapi pada hari ini harganya \$1.50 Kerajaan tidak tegah. Akan tetapi, pada hari ini Kerajaan Malaysia tidak benarkan bawa beras dari Siam. Kita kekurangan beras. Kalau Kerajaan benarkan orang membawa beras, maka boleh menolong rakyat negeri ini. Saya berasa hairan tentang hal itu.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Negeri Siam ada mempunyai undang-undang. Beras tidak dibenarkan keluar daripada negerinya melainkan melalui Bangkok dan mendapat kebenaran dari Kerajaan. Kalau kita galakan orang-orang kita smuggle beras, hukumannya bunuh sampai mati. Kita mesti ingat, kalau kita galakan memberi lesen membawa masuk beras merusakkan ekonomi, satu negara tetangga yang menjadi sahabat baik, dan kita hendak mengurangkan bahaya kominis di sempadan. Banyak lagi boleh dijawab, tetapi Yang Berhormat fikir halus-halus sedikit.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Setakat yang saya tahu Kerajaan Siam tidak mencegah orang membawa beras keluar daripada negerinya, kita sahaja yang tegah. Negeri Siam hendak menjual berasnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya hendak bercakap mengenai kayu-kayan. Duli Yang Maha Mulia ada bertitah demikian bunyinya:

“Dalam pada itu Kerajaan Beta sedar bahawa boleh jadi berlaku kekurangan bekalan kayu-kayan di negara kita di masa hadapan”.

Nampaknya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merasa tidak senang hati, kerana kayu-kayan ini kita ditebang terlampau banyak sangat dengan tidak mengira bagaimana hendak menanam balik. Pada satu hari kelak kita tak ada kayu-kayan. Kita kena beli kayu untuk buat rumah dari luar negeri. Maka dengan kerana itu patutlah Kerajaan kita mencari jalan menjaga kayu-kayan kita ini. Saya hairan kalau Kerajaan Malaysia boleh mengeluarkan beratus-ratus juta ringgit untuk memajukan perusahaan getah iaitu menanam semula, mengapa Kerajaan tidak boleh berbelanja sedikit untuk tanam semula kayu-kayan (reafforestation) supaya kita dapat kayu-kayan semula. Kalau kita usahakan kayu-kayan ini dengan betul, saya ingat kita tidak susah. Caranya ialah buat satu undang-undang iaitu tiap-tiap seorang diberi tanah untuk membalak, maka orang itu dipaksa dikenakan tanam semula. Maksud saya kalau Kerajaan telah beri kepada Ahmad 1,000 ekar untuk tanah membalak, kita buat syarat selepas dia tebang 1,000 ekar tanah hutan itu, dia kena tanam balik 1,000 ekar dengan kayu. Selepas tanam diserahkan balik kepada Kerajaan, maka Kerajaan akan jaga.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Untuk penerangan. Kayu apa yang hendak ditanam?

Tuan Abdul Samad bin Osman: Kayu-kayan dalam hutan. Kalau kayu boleh tumbuh, kayu juga kita boleh ditanam, bukannya begitu?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Untuk penjelasan. Kita ada menanam semula. Kita ada berjuta ringgit untuk reforestation mengikut Rancangan Lima Tahun. Kalau dibaca Buku Merah ada berjuta-juta wang untuk menanam pokok-pokok yang mustahak dan dijaga pula. Jadi membuang masa menyebut hal itu. Saya tidak menahan Yang Berhormat bercakap, tetapi apa yang dicakapkan itu semuanya sudah ada. Itu yang saya hendak terangkan.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu tetapi saya hendak bertanya Yang Berhormat Peguam Negara berapa peratus Kerajaan telah buat reforestation? Saya tahu cuma 5%. Saya mahu buat semua. Kita buat tak mencukupi, yang kita buat sekarang di mana-mana cuma 5%. Sebab itu saya kata buat semua sekali seperti kita tanam getah. Cadangan saya tadi kita beri 1,000 ekar tanah untuk tanam semula dan kenakan denda yang berat. Kalau dia enggan kita kenakan denda yang banyak. Kalau 1 ekar dendanya \$1,000. Kalau 1,000 ekar bermakna \$1 juta. Di mana mereka hendak mencari wang itu, maka lebih baik dia tanam. Apa Yang Berhormat Menteri kata itu betul, tetapi beliau tidak pergi ke tempat itu. Saya tahu sebab saya ada pergi, Kerajaan buat reforestation cuma 5% sahaja. Dengan sebab itu, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong susah hati sebab sedikit sangat. Jadi kita gunakan hak yang kita beri kepada orang itu, wang kita tidak keluar. Kita beri dia kayu balak, dia kena tanam. Selepas daripada itu baharulah Kerajaan tambah pegawai-pegawai hutan untuk pergi selection, grading dan untuk menjaganya. Kayu ini ada cycle, ditebang, dipotong. Selepas 30-40 tahun ditebang balik. Inilah yang Kerajaan kena jaga, kita tidak buat begini pokok-pokok itu akan habis.

Perkara yang ketiga yang saya hendak tahu sedikit ialah berkenaan dengan pencen. Pada bulan September lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberitahu kepada

pesara-pesara bahawa mereka akan dapat tambahan elaun sara hidup, mereka yang sudah pencen 12 tahun akan mendapat full pensions. Tetapi saya berasa kesihan sehingga hari ini sudah 8 bulan, setengah-setengah pesara belum dapat lagi. Full pensions seorang pun belum dapat. Tentang arrears ada setengah sudah dapat dan ada setengah belum dapat. Saya hendak baca potongan suratkhbar yang mana mereka sama-sama susah hati iaitu ruangan editorial *Straits Echo* yang berbunyi:

“Numerous letters have appeared in the Press concerning the non-receipt of these arrears of pensions after many months of waiting. It is easy to understand the frustrations of these pensioners who had a long battle for full pensions only to find that payment has unaccountably been held up. The delay in payment of the special allowance is particularly deplorable as the purpose of giving relief has been defeated.”

Saya susah hati sebab semenjak bulan September sampai sekarang pesara-pesara ini boleh dikatakan berpuluh-puluh dan beratus sudah mati, sebab mereka ini orang tua. Mereka hanya menunggu untuk mati. Mereka yang berumur 80-90 tahun kita tidak tahu entah hari ini atau esok, entah lusa akan mati, tetapi pencen yang baharu belum dapat lagi. Oleh sebab itu, Kerajaan patutlah menimbangankan dengan sungguh-sungguh kepada orang yang hendak mati itu. Tolong cepatkan sedikit, lapan bulan telah berlalu. Mereka yang muda seperti kami ini boleh menunggu. Saya harap kepada Kerajaan tolong percepatkan pencen ini untuk menolong orang-orang tua yang akan hidup tidak berapa hari lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup!

Tuan Abdul Samad bin Osman: Ada satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pendek-pendekan sedikit!

Tuan Abdul Samad bin Osman: Apa yang saya cakapkan ialah soal padi. Dahulu saya telah berkata kita di Malaysia ini ada potential, boleh tanam padi self-sufficient, bukan sahaja cukup tetapi lebih pun boleh. Kalau saya ada kuasa saya hendak tanam padi di Malaysia supaya dapat 150%-100% makan dan 50% disimpan. Kita dahulu tidak

hendak tanam lebih, hanya 80% sahaja. Sekarang ini baharu kita hendak tanam cukup. Kalau tiap-tiap negeri dalam Malaysia buat seperti negeri Kedah, suatu negeri yang boleh dikatakan padi ini negeri lain tidak boleh lawan. Kami di negeri Kedah mana-mana tanah yang boleh ditanam padi tidak pernah ditanam yang lain, tidak pernah tanam getah, tidak pernah tanam kelapa, tidak pernah tanam yang lain-lain. Kalau semua negeri dalam Malaysia buat begitu cukup baik. Saya percaya banyak lagi tanah bendang yang boleh didapati di negeri-negeri Perak, Selangor, Trengganu, Kelantan dan Pahang yang kita boleh buka dan kita boleh tanam bukan setakat 100% tetapi 150% pun boleh dapat. Dahulu saya ada berkata di Negeri Sarawak itu ada potential untuk tanaman padi. Kalau dibuat bendang betul-betul, kita jadikan Sarawak itu sebagai "granny of Malaysia". Di Sarawak bukan sahaja tanahnya pamah, tetapi banyak sungai bersilang-silang. Dengan adanya sungai ini kita boleh gunakan—tap the water for irrigation purposes.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahaja.

3.54 ptg.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini sebagai seorang Ahli Dewan Negara dan patutlah saya menyokong Usul yang dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan dua hari yang sudah. Saya tidak akan memanjangkan ucapan saya seperti selalu, tetapi saya cuma menyentuh sedikit-sedikit sahaja.

Saya menyentuh ucapan Titah Di Raja berkenaan dengan pembangunan. Pembangunan hal ehwal Orang Asli semenjak tahun 1960. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak membuka pembangunan di kawasan pedalaman, cuma di luar bandar atau di pinggir-pinggir sahaja. Peruntukan wang daripada Kerajaan sebanyak \$1 juta purata itu sangatlah sedikit. Sekarang ini setelah Jalan Timur/Barat dan Jalan daripada Sungei Siput ke Gua Musang sudah sampai dan boleh di lalui oleh kenderaan, maka Kerajaan, khasnya Jabatan Orang Asli sudah tiba masanya untuk menumpukan perkhidmatan mereka ke kawasan pedalaman. Memandangkan peruntukan \$1 juta setahun sangatlah sedikit oleh kerana Orang Asli ini duduk bukan sahaja di kawasan pedalaman, tetapi tinggal bertabu-

ran di pinggir-pinggir dan di tepi-tepi kampung. Semuanya hendak dibuat. Apabila semuanya hendak dibuat maka peruntukan \$1 juta ini sangat tidak mencukupi. Saya berharap kepada Kerajaan untuk menambahkan lagi peruntukan ini.

Yang keduanya, saya beralih kepada Kementerian Penerangan berkenaan dengan panggilan "sensitif" kepada Orang Asli. Baharu-baharu ini panggilan "sensitif" kepada Orang Asli ada bermacam-macam. Ada orang Sakai, ada orang Darat, ada Pagan. Saya harap apa-apa juga yang dibuat oleh Jabatan Penerangan eloklah berunding dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Jabatan inilah yang tahu bagaimana yang hendak dibuat. Dan terdapat pula baharu-baharu ini mengatakan istilah "saudara lama". Bukan sahaja nama itu tidak terfikir oleh Orang Asli tetapi ini telah mendatangkan ragu-ragu. Mereka tidak pernah mendengar istilah "saudara lama" ini. Pada pendapat mereka barangkali orang-orang lain atau Kerajaan sudah hendak memusingkan mereka. Mereka telah datang ke Pejabat Hal Ehwal Orang Asli untuk bertanya atau menyoal Jabatan tersebut. Di sini timbul satu kesulitan bagi pihak Orang Asli. Saya harap di masa hadapan jika ada apa-apa yang hendak dirancangan eloklah berjumpa dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sendiri.

Yang ketiga, saya beralih kepada Kementerian Pelajaran. Biasiswa-biasiswa untuk anak-anak Orang Asli. Pada masa ini anak-anak Orang Asli telah bertambah memasuki Sekolah Menengah. Dengan itu, saya harap bagi pihak Kementerian yang berkenaan untuk menyediakan biasiswa tertentu untuk anak Orang-orang Asli.

4.00 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong usul yang dikemukakan oleh sahabat saya Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya yang melafazkan ucapan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Seri Paduka pada Parlimen tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1973 banyak perkara yang basi termasuk perkara gaji ataupun upahan. Nampaknya gaji-gaji yang diberi di bawah Sekim Gaji Suffian hampir basi, gaji yang dibayar di bawah

Sekim Gaji Aziz pun hendak basi, tetapi belum busuk lagi; gaji yang dibayar di bawah Sekim Gaji Harun itupun nampaknya sudah menjadi out-of-date. Ini disebabkan oleh kerana kenaikan harga barang yang sekarang ini kita semua sedia maklum.

Mengikut laporan Bank Negara yang terakhir kenaikan barang semenjak kita merdeka sehingga pertengahan tahun 1972 ialah tidak sampai pun pukul rata satu peratus setahun, tetapi bagi tahun 1973 kenaikan pukul rata 10.5%. Itu menunjukkan yang gaji-gaji yang diterima oleh pegawai-pegawai kita, terutama sekali kesemua orang yang menerima gaji yang tetap, bagi mereka sudah tentu mengalami kesusahan, termasuklah pegawai-pegawai Kerajaan kita di peringkat tinggi sehingga ke peringkat rendah termasuk juga mungkin Menteri-menteri, termasuk juga kakitangan badan-badan berkanun. Mereka inilah yang terasa sangat atas kenaikan barang-barang.

Kita sudah dengar alasan-alasan yang diberi kenapa barang-barang naik—inflasi dari luar, macam-macam, tetapi langkah-langkah yang boleh diambil sudahpun diambil oleh Kerajaan dan di sini saya suka memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana bergerak dengan begitu cepat. Tetapi ada lagi langkah-langkah yang boleh diambil, yang patut dijaga supaya orang-orang yang mengambil untung dengan berlebihan dapat kita kawal.

Saya tidak mahu mengambil banyak contoh, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengambil satu contoh sahaja iaitu dari segi kenaikan minyak petroleum. Tidak beberapa hari dahulu Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah mengumumkan kebenaran Kerajaan menaikkan harga minyak petroleum. Ini melibatkan ramai orang: pegawai-pegawai Kerajaan, dan juga kakitangan-kakitangan badan berkanun yang terpaksa menggunakan kenderaan. Kita tahu yang negara kita ialah sebuah negara yang mengeluarkan minyak yang berlebihan ataupun dalam bahasa Inggeris net producer. Kalau mengikut angka pada tahun 1973, kita mengeluarkan minyak daripada kawasan kita sebanyak 33.1 juta metric ton ataupun 90.600 tong sehari, tetapi dasar kita ialah sughupun kita mempunyai minyak yang bermutu baik kita eksportkan minyak itu dan kita mengimpot minyak yang bermutu rendah daripada luar.

Di sinilah saya rasa yang ada kelemahan sedikit kerana kompeni-kompeni yang menjalankan perusahaan menapis boleh memainkan kita. Kenaikan harga minyak ini ialah oleh kerana desakan daripada mereka, kerana mereka mengatakan terpaksa mereka membayar lebih oleh sebab tambang naik, oleh sebab ongkos menapis bertambah. Inilah kita dimainkan oleh mereka, tetapi sebaliknya jikalau kita memeriksa untung-rugi mereka, kita dapati mereka mendapat untung yang sangat berlebihan. Pada hari Yang Berhormat Menteri mengumumkan kenaikan harga minyak premium daripada \$2.50 kepada \$3.10, pada hari yang sama juga kita dapat tahu berapakah keuntungan yang dibuat oleh salah sebuah syarikat minyak iaitu Royal Dutch Shell Oil Company. Keuntungan yang terakhir yang kita dapat tahu mengikut laporan ialah £319,000,000 ataupun \$1,818,000,000 dalam tiga bulan tahun ini, iaitu bulan Januari, Februari dan Mac berbanding dengan £115,000,000 ataupun \$652,000,000 wang kita, pada bulan-bulan yang sama pada tahun 1973. Ini menunjukkan kompeni-kompeni ini mendapat untung yang berlebih-lebihan. Oleh kerana mereka juga yang mengawasi bukan sahaja penapisan minyak di negara kita, tetapi juga pengedaran minyak di negara kita sudah tentu mereka tidak mahu rugi.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengadakan lebih banyak lagi kilang penapis di negara kita. Tidak usah kita harapkan kepada syarikat-syarikat minyak daripada barat yang terkenal sahaja seperti yang ada sekarang ini kerana mereka itu sudah tentu berkongsi mempertahankan hak-hak mereka. Sudah beberapa kali dahulu saya tahu ada syarikat-syarikat lain yang sanggup hendak mendirikan kilang penapis di negara kita. Kita bukan sahaja boleh menapis minyak yang kita keluarkan, tetapi kita juga boleh menapis minyak daripada luar, daripada Asia Barat, daripada Indonesia. Kita boleh berbuat demikian sekiranya kita ada kilang penapis. Mungkin itu kesalahan kita, kerana kita tidak menyediakan kilang-kilang penapis yang cukup. Sekiranya tidak ada orang yang sanggup membantu kita, saya percaya kita mempunyai sahabat-sahabat daripada Eropah Timur, dan juga dari negeri Jepun yang sanggup mendirikan kilang penapis di negara kita supaya kita dapat menapis minyak kita

dan dengan itu mengurangkan harga minyak yang hendak diedarkan kepada pengguna-pengguna di negara kita ini.

Saya juga difahamkan bahawa syarikat-syarikat yang sedang bergiat di dalam negara kita ini tidak melaporkan kira-kira yang memuaskannya kepada kita, maknanya kira-kira yang dikemukakan kepada Kerajaan untuk dibayar belum lagi dioditkan oleh Juru Odit Negara dan menentukan samada ongkos-ongkos yang benar atau belanja-belanja yang patut sahaja Kerajaan kita bayar.

Saya sedar banyak kesulitan yang akan dihadapi oleh Kementerian Perusahaan Utama yang tidak mempunyai kakitangan yang cukup terutama sekali bagi mengendalikan dari segi perusahaan baru ini. Saya harap satu langkah yang cepat boleh diambil oleh Kerajaan supaya melengkapkan Kementerian Perusahaan Utama ini dengan kakitangan yang cukup, kakitangan yang mahir, kerana minyak daripada masa sekarang ini akan menjadi satu bahan pengeluaran utama di negara kita dan jikalau Kementerian itu tidak mempunyai kakitangan yang cukup, kakitangan yang mahir maka sudah tentu Kementerian itu tidak boleh bergerak dengan lancar dan mungkin juga selalu ditipu oleh pengusaha-usaha minyak yang besar-besar.

Dari sehari ke sehari, kita mendengar Kerajaan mengatakan bahawa Kerajaan memberi subsidi, minyak pun Kerajaan beri subsidi, beras pun diberi subsidi—subsidi satu lepas satu. Saya takut, berapa lamakah Kerajaan sanggup memberi subsidi kerana akhirnya kita juga yang terpaksa memberi subsidi kepada Kerajaan, jadi berjaga-jagalah sedikit. Kalau terpaksa kita mengenakan kepada orang luar (bukan warganegara) kita kenakan, tetapi janganlah kita sentiasa mengatakan Kerajaan boleh memberi subsidi. Rasa saya, itu tidak betul, kerana akhirnya dari subsidi itu, kita juga yang terpaksa membayarnya. Oleh itu saya menyokong dan menyeru apa yang telah dititahkan oleh Seri Paduka Baginda bahawa: "Semua rakyat hendaklah berusaha untuk mengurangkan kesan-kesan inflasi lebih-lebih lagi golongan peniaga dan pihak swasta". Kita sedar bahawa ini satu perkara yang baharu sahaja timbul. 10 tahun dahulu perkara ini tidak timbul jadi sudah tentu perkara kenaikan harga barang ini menjadi satu perkara yang menggemparkan kita, satu perkara yang boleh dikatakan sebagai "shock treatment" kepada kita. Saya berharap rakyat dapat sama-sama

bersabar mengurangkan perkara-perkara yang tidak perlu digunakan seperti letrik, kenderaan yang tidak perlu supaya dapat dikurangkan dan bersama-sama kita boleh mengurangkan dan membantu Kerajaan untuk mengatasi problem inflasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak kemukakan di sini ialah berkenaan dengan kebersihan alam (pollution). Di dalam persidangan kita yang lepas kita telah meluluskan satu undang-undang menjaga Kebersihan Sekitar Alam. Saya tidak tahu kenapa begitu lama Kementerian yang berkenaan mengambil masa sebelum melaksanakan undang-undang yang telah kita luluskan. Pada bulan April yang baru ini, saya berada di Pantai Timur, daripada Kuantan sehinggalah ke Besut, dimana saya anggapkan salah satu pantai yang tercantik di dunia ini, yang mana saya sangat megah dan bangga atas pemberian Tuhan ke atasnya. Satu pantai yang sebenar-benarnya indah, tetapi malangnya Pantai Timur yang kita megah-megahkan itu nampaknya sekarang ini sudah berlumur dengan kekotoran minyak.

Pasir putih tidak lagi menjadi putih. Di Pulau Perhentian berhampiran dengan Besut yang sudah memang ternama, pulau itu juga sudah menjadi kotor. Saya hairan, undang-undang sudah kita luluskan, tetapi apakah kawalan yang dibuat oleh pihak Kementerian yang berkenaan untuk menjaga kebersihan pantai kita? Mungkin alasannya bahawa undang-undang ini baru sahaja diluluskan. Saya harap Kementerian yang berkenaan dapat memberi jawapan yang agak tegas bagaimana kita boleh mengawal pantai-pantai kita supaya tidak dicerobohi dengan kekotoran seperti yang saya sebutkan tadi.

Bercakap tentang kebersihan, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan Wilayah Persekutuan. Sekarang ini bolehlah kita bersama-sama berbangga bahawa negara kita mempunyai suatu Wilayah khas sebagai Ibukota Negara. Memang banyak ada problem untuk membersihkan Ibukota. Dari sehari ke sehari angka ataupun jumlah kenderaan makin bertambah banyak. Dari sehari ke sehari oleh kerana kenderaan semakin bertambah banyak, udara di Bandaraya Kuala Lumpur ini tidak lagi begitu baik. Patutlah pihak yang berkenaan yang mentadbirkan Ibukota ini, mencari jalan bagaimana membaiki lagi udara Ibukota ini. Mungkin sebahagian daripada jalan patut

ditutup dan ditanam dengan pokok-pokok. Biarlah orang ramai yang sanggup berjalan kaki sahaja dibenarkan menggunakan jalan-jalan itu. Umpamanya, di Medan Pasar itu boleh ditutup pada kenderaan, dan di situ kita adakan sebuah taman yang kecil yang dipenuhi dengan pokok-pokok, dan banyak lagi tempat-tempat lain di kawasan Kuala Lumpur ini yang saya nampak yang mana kita boleh berbuat demikian. Dengan secara begitu, bukan sahaja Ibukota ini menjadi indah, tetapi juga kita boleh mengurangkan kenderaan yang berada di Ibu Kota negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya cuma hendak menyokong syor yang telah dikemukakan oleh rakan saya Senator Tuan Haji Dzulkifli semalam, semasa beliau menyentuh berkenaan dengan Undang-undang Hak Cipta. Kita telah mempunyai Undang-undang Hak Cipta semenjak tahun 1969, tetapi nampaknya tinggal di buku Undang-undang sahaja, kerana undang-undang itu jarang sangat dikuatkuasakan. Bila hendak dikuatkuasakan, pihak A, tolak pada pihak B, kemudian pihak B tolak semula pada pihak A. Jadi yang susahnyalah pencipta sendiri—pencipta termasuk pengarang-pengarang, penulis-penulis, penyanyi-penyanyi—mereka ini yang dianiaya.

Satu seminar telah diadakan baru-baru ini di Kuantan yang mana kalau tak salah ingatan saya, wakil daripada Peguam Negara hadir bersama telah membuktikan bagaimana kelemahan Undang-undang Hak Cipta itu. Saya menyokong dengan sepenuhnya supaya perkara ini dikaji semula bagaimana boleh kita baiki undang-undang ini. Kalau saya perhatikan daripada Seksyen 15 Undang-undang itu nampaknya sudah ada kuasa, tetapi bila hendak dilaksanakan tidak ada siapapun yang sanggup berbuat demikian. Mungkin di sini tugas menyiasat bagi pihak pencipta-pencipta yang karyanya dirompak patut kita serahkan kepada Biro Siasatan Negara atau NBI, kerana mereka itu saya anggap mempunyai jabatan yang tenaganya khusus boleh menyiasat perkara-perkara yang lain sedikit daripada perkara jenayah biasa.

Saya berasa amat dukacita, Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak lagi perkara yang saya hendak kemukakan tetapi oleh kerana saya terpaksa patuh kepada arahan Tuan Yang

di-Pertua, saya akhirilah ucapan saya sebanyak-sedikit terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda.

4.25 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun masa yang diizinkan sangat sedikit, maka saya juga bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan usul yang dibawa oleh rakan saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan dua hari yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita teliti dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa pembukaan Parlimen tempoh hari, kita dapati kenyataan-kenyataan segala rancangan yang akan dijalankan oleh Kerajaan bagi tujuan kebaikan seluruh rakyat dan negara; kenyataan yang meliputi daripada segenap segi, dari segi pembangunan material dan juga pembangunan moral yang mana kenyataan-kenyataan itu adalah sangat menggembarakan kita.

Saya sebagai salah seorang daripada Ahli dari Pantai Timur yang selama ini terkenal sebagai Negeri-negeri yang termundur dalam Malaysia ini, bersama-sama mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih di atas isi kandungan Titah Di-Raja itu. Terutama sekali yang sangat menyenangkan kita mendengarnya, ialah berhubung dengan ikrar Kerajaan untuk memberi bantuan-bantuan kewangan seberapa yang diperlukan kepada negeri-negeri yang kekurangan wang dalam melaksanakan projek-projek pembangunannya. Ini adalah saya katakan sangat menggembarakan oleh kerana negeri-negeri di Pantai Timur, memang daripada dahulu lagi, salah satu daripada perkara yang menyekat kepada kemajuan pembangunannya ialah dengan sebab kekurangan perbelanjaan. Kita kekurangan hasil, kerana punca-punca kewangan sangat sedikit, tidak sebagaimana Negeri-negeri di Pantai Barat yang mempunyai sumber-sumber kewangan yang sangat banyak. Alhamdulillah dengan adanya ikrar itu segala rancangan yang telah diatur untuk memajukan negeri-negeri itu tidak akan tergendala di masa yang akan datang.

Kita juga dapat membaca dan melihat kenyataan bagaimana kuat ataupun ber-sungguh-sungguhnya cita-cita Kerajaan untuk menolong rakyat negara ini, terutama rakyat

bumiputra supaya boleh berdikari atau berdiri atas kaki sendiri supaya mereka itu tidak hanya mengambil bahagian yang penting dalam masalah siasah atau politik negara sahaja tetapi juga mengambil bahagian utama dalam lapangan ekonomi, dalam lapangan perniagaan dan seterusnya. Matlamat yang telah diistiharkan oleh Kerajaan supaya kita dapat mencapai ataupun dapat menimbulkan kalangan perniagaan dan perusahaan bumiputra 30% dalam masa 20 tahun. Kalau daripada segenap pihak menyumbangkan tenaga dan kerjasama dengan bersungguh-sungguh dengan ikhlas dan jujur, cita-cita itu akan tercapai.

Saya cuma berasa sedikit bimbang, kerana dalam masa Kerajaan bersungguh-sungguh dengan mengadakan berbagai-bagai cara, berbagai-bagai usaha untuk menjayakan cita-cita itu, maka timbul juga berbagai-bagai usaha dan cara oleh setengah-setengah golongan yang tidak sukakan rancangan itu boleh mendapat kejayaan. Dengan lain-lain perkataan, setengah-setengah golongan itu sentiasa mencari jalan, hendak mengkhianati supaya cita-cita Kerajaan itu gagal dan tidak berhasil? Saya misalkan berkenaan dengan daya-usaha yang telah dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam masa akhir-akhir ini berhubung dengan gesaan-gesaan menggalakkan bumiputra mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan distribution ataupun pembahagi, sebagai agensi ataupun wakil-wakil di segenap pelusuk tanahair. Maka sebagaimana giatnya usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian, maka begitulah juga giatnya dikalangan setengah-setengah ahli perniagaan bukan bumiputra untuk menghalang cita-cita Kerajaan ini dengan berbagai-bagai cara dan masalah.

Saya beri contoh: satu perkara telah berlaku tentang pembahagian rokok umpamanya, ada permohonan daripada kalangan bumiputra setelah menerima seruan Kerajaan supaya memohon untuk menjadi wakil di dalam satu-satu bandar supaya dapat lebih kurang 30% dari pembahagian diberikan kepada bumiputra, maka dijawab oleh syarikat itu: Oh! dia telah ada mempunyai sistem pembahagiannya yang teratur, yang telah lama dan belum lagi terniat hendak menukarnya. Kita tahu kerana ini tidak ada undang-undang yang boleh memaksa, hanya minta jasa baik, minta kerjasama bagi faedah dan kesetablian negara. Tetapi dalam pada

itu dengan diam-diam ejen yang telah sedia ada yang bukan daripada bumiputra itu menjalankan jarumnya, dengan cara menghantarkan nama salah seorang daripada pelanggannya, pekedai kecil, kemudian dilantik kononnya menjadi ejen. Ini betul-betul telah berlaku di Trengganu. Saya rasa barangkali pihak Kementerian suka hendak menyiasat. Malayan Tobacco Sdn. Berhad. Minta di bandar Kuala Trengganu, syarikat yang betul-betul hendak berjalan, katanya, tidak mahu mengubah dasar, tetapi diberi di satu pekan yang mempunyai hanya empat lima buah kedai sahaja kepada satu orang Melayu pada hal yang sebenarnya ialah kepunyaan daripada ejensi yang telah sedia ada. Ini saya beri sebagai satu contoh sahaja.

Begitu juga berlakunya dengan satu syarikat yang lain. Ini mungkin dengan kerana kebijaksanaan ejen yang telah sedia ada dalam masalah ajen motor scooter. Begitu juga, bila diminta oleh Syarikat Bumiputra dilambat-lambatkan, kemudian orang yang telah sedia ada mengambil seorang pekerjanya sendiri dibubuh dengan nama satu syarikat berkongsi dengannya, maka agency itu diberikan dengan nama syarikat baru itu, yang hakikatnya dipunyai oleh company itu sendiri juga bersama-sama. Ini berlaku pada East Asiatic Company; juga di Trengganu. Saya berani sebutkan ini kerana saya ada mempunyai kenyataan-kenyataan yang bukan sebagai keterangan-keterangan palsu semata-mata. Ini adalah sebagai satu dua contoh yang saya tunjukkan bagaimana giatnya pihak-pihak yang suka hendak menyeleweng ataupun yang boleh kita katakan pihak-pihak yang hendak mengkhianati cita-cita Kerajaan yang sedang dilancarkan pada hari ini.

Selain daripada masalah penyelewengan ini, maka masalah kewangan juga berlaku. Kalau kita tidak boleh mengatakan sebagai penyelewengan tetapi juga sebagai dolak-dalik ataupun sebagai usaha untuk melemahkan atau melambat-lambatkan pertolongan yang patut diberi pada masa sekarang ini.

Saya suka menyeru kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya mengambil tindakan yang tegas kepada pihak bank-bank yang ada di negara kita ini supaya mereka ini benar-benar memberi kerjasamanya bagi menolong bumiputra dalam perniagaan dan perusahaan hendaklah disiasat betul-betul sebanyak manakah bank-bank ini telah menyumbangkan dalam menjayakan cita-cita

untuk memberi pertolongan kepada peniaga-peniaga kecil bumiputra melalui perbadanan pinjaman kredit yang telah dilancarkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Kerajaan patut mengambil tahu setengah-setengah bank hanya memberi pinjaman-pinjaman itu sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Masih ada dua tiga bank yang bila kaum bumiputra pergi memohon maka diberi jawapan yang berbagai-bagai alasan, setengah mengatakan dia tidak ada borang, setengah mengatakan sukar sekarang ini dengan sebab Bank Negara telahpun mengenakan syarat-syarat yang ketat, tidak berapa menggalakkan pinjaman-pinjaman yang tidak memberi faedah yang begitu baik dan beberapa perkara lagi yang hanya ditumpukan kepada pinjaman-pinjaman yang boleh mendatangkan hasil atau berbagai-bagai cara dan helah-helah yang telah diberikan. Salah satu daripada bank-bank itu yang sangat sukar hendak didapati pinjaman ialah Chung Khiaw Bank. Ini saya rasa patut diambil ketahu akan perjalanannya ataupun peranannya dalam bahagian ini.

Saya suka juga menyentuh berhubung dengan peranan pentadbiran di dalam Pejabat-pejabat Kerajaan sendiri dalam pelaksanaan bagi menolong kaum bumiputra ini. Kita mengetahui dengan adanya Dasar Ekonomi Baru sekarang ini berbagai-bagai peluang telah terbuka untuk diambil dan dikecapi oleh kaum bumiputra sendiri, tetapi sayangnya peluang-peluang ini tidak dapat dibahagikan dengan cara yang merata di seluruh tanahair kita ini. Selalunya yang mendapat peluang yang baik hanyalah terlingkung di kawasan Kuala Lumpur ini sahaja kerana mereka lebih dekat dengan pihak Kementerian, dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dan bila sahaja ada peluang-peluang yang baik maka berebut-rebutlah ahli-ahli perusahaan dan perniagaan yang ada di Ibukota ini, kita merasa bangga jugalah kerana terdiri daripada kaum bumiputra, kalau saya hendak katakan jerung-jerung besar pun tidak patut kerana itu memang hasrat Kerajaan, maka kepada mereka inilah sahaja yang selalunya mendapati nikmat-nikmat ataupun peluang-peluang yang terbuka kerana mereka lebih dekat dan juga kerana pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan ataupun Kementerian-kementerian lebih kenal dengan mereka daripada kita orang-orang yang jauh sempampamanya di Pantai Timur ataupun di Utara ataupun di Selatan.

Saya misalkan satu contoh. Baru-baru ini Kementerian telah memberi kelonggaran berkenaan dengan impot lori-lori second-hand oleh kerana kekurangan lori banyak permit telah dikeluarkan, tidak dapat dibeli lori maka Kerajaan pun melonggarkan, berilah peluang supaya kaum bumiputra boleh mengimpot lori second-hand daripada mana-mana juga samada Singapura, England, Germany ataupun mana-mana sahaja. Maka berebut-rebutlah mereka dan ada setengah-tengahnya menubuhkan syarikat-syarikat dengan serta-merta memohon lesen-lesen impot ini. Setengah syarikat-syarikat pemborong pun jadi syarikat mengimpot lori; syarikat jualan makanan juga jadi pengimpot lori, dapatlah mereka ini 100; 200, tetapi syarikat-syarikat yang ada benar-benar ditubuhkan khas kerana ini bagi menyahut seruan-seruan Kerajaan telah kelambatan sampai hari ini tidak boleh dapat khabarnya. Sedangkan di sekitar Kuala Lumpur ini syarikat-syarikat yang mendapat lesennya 100-200 yang saya nyatakan tadi telah merata berjaja lesen-lesen impotnya sehingga sampai ada yang ketinggalan. Inilah sebagai satu contoh tidak puas hati yang saya maksudkan, pembahagian peluang ini tidak merata. Saya harap biarlah kalau boleh pembahagian ini diratakan suapaya kalangan ahli perniagaan dan perusahaan ini jangan hanya nanti ada di Kuala Lumpur ini sahaja, biarlah di merata negeri dan segenap pelusuk tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh sedikit berhubung dengan kawalan harga beras. Tadi saudara saya menyatakan, bahawa harga beras di sana terlampau mahal berbanding dengan harga padi yang diusahakan di negeri kita sendiri. Saya tidak hendak komplek berkenaan dengan perbezaan padi dan beras. Tetapi yang saya maksudkan begini, dengan adanya kawalan harga yang telah dikuatkuasakan mulai 3hb Mei, 1974 baru-baru ini, maka harga yang dikenakan kepada penduduk-penduduk dalam negeri saya Trengganu telah naik daripada biasa. Ini yang menyusahkan kami. Sebelum ada kawalan harga beras China kita boleh beli \$2.60 sen, beras-beras lain, beras tempatan misalnya antara \$2.60 sen-\$2.80 sen yang kebanyakan orang kampung makan. Tetapi bila sahaja diistiharkan kawalan harga \$3.00 pun sudah tidak dapat lagi. Tidak ada beras yang berharga \$3.00, terus naik jadi \$3.15; \$3.40 (Mahsuri) dan begitulah seterusnya

sampai kepada \$3.80. Jadi, ini telah menjadi satu kehebohan bagi penduduk-penduduk di Negeri Trengganu, terutama sekali orang-orang di tepi-tepi pantai yang tidak ada mempunyai pencarian tetap. hari ini memang banyak yang makan nasi sekali sahaja sehari tidak lebih. Itulah sebabnya maka menimbulkan desakan-desakan kepada Yang Berhormat Menteri supaya kelas kedudukan Negeri Trengganu ini dibubuh sama dengan taraf Negeri Kedah dan Kelantan iaitu bukannya "F" bagaimana yang ditentukan pada hari ini, iaitu disamakan taraf dengan Johor, kerana Negeri Trengganu ini hampir dengan Negeri Kelantan ianya banyak beras dan berhampiran pula dengan Siam. Siam walaupun sentiasa berasnya di tahan, atau diharamkan tetapi kemasukannya sentiasa juga mengalir sedikit-sedikit. Dengan kerana itu harga beras kita di sana lebih murah daripada di Kuala Lumpur, tetapi dengan adanya kawalan harga hari ini dengan sendirinya penjual-penjual mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Walaupun Kerajaan berkata jangan jual lebih, hendak jual murah tidak apa, tetapi dia tidak kira hal murah itu, tolak belakang, dia jual lebih. Dia jual setakat limit yang ditetapkan oleh Kerajaan. Inilah masalah yang sangat menyusahkan kami di Negeri Trengganu pada hari ini.

Saya juga merasa hairan dalam masalah beras ini. Memang baik Kerajaan mengadakan kawalan sebab terjadinya pengambilan untung yang berlebihan menjadi-jadi berlaku di merata-rata tempat. Saya nampak pada hari ini, oleh kerana kawalan beras ini harganya tidak ditentukan kepada satu-satu jenis sahaja yakni dikawal semua sekali daripada tingkat yang paling rendah mutunya hingga setinggi-tingginya. Ini juga bererti bahawa kawalan harga beras yang diimpot, iaitu beras China dan beras Siam. Sedangkan beras Siam ini apa yang saya tahu pada hari ini, orang kampung tidak makan kerana harganya mahal. Beras Siam 10%, bukan makanan harian orang kampung, yang memakannya ialah orang kaya-kaya, taukeh-taukeh barangkali pegawai-pegawai tinggi yang gajinya ribuan. Tetapi pada hari ini oleh kerana Kerajaan telah mengenakan kawalan harga dan dengan sendirinya pula memberi subsidi kepada beras-beras ini.

Saya nampak dengan tidak secara langsung Kerajaan kita telah memberi subsidi kepada orang kaya. Kalau Kerajaan hanya

mengenakan ataupun memberi subsidi kepada beras tempatan yang dimakan oleh orang ramai tidak jadi soal, tetapi bila diberi subsidi juga kepada beras Siam dan beras China ini, jadi ini seolah-olahnya telah memberi bantuan kepada orang-orang yang telah kaya. Beras Siam pada hari ini apa yang saya tahu memang dibenarkan masuk hanya antara Kerajaan dengan Kerajaan. Mereka menjual kepada Kerajaan tidak dijual kepada pihak swasta dengan sebab itulah Kerajaan telah menarik balik lesen-lesen impot, kerana Kerajaan Siam marah. Katanya dengan adanya lesen impot yang dikeluarkan oleh Kerajaan kita maka Kerajaan Siam rugi. Kalau orang dia sendiri smuggle keluar kita ambillah lesen tadi dan jadikan halal, jadi katanya dia rugi. Maka kerana hendak menjaga nama baik persahabatan dan sebagainya Kerajaan kita pun mengikut, tarik semua lesen impot sedangkan jika dibeli antara Kerajaan harganya mahal pada hari ini kalau tidak salah. Apa yang saya tahu harga yang telah dibeli oleh Kerajaan, Kerajaan terpaksa rugi menjual kepada pemborong-pemborong lebih kurang dekat \$400 satu tan atas beras Siam 10%. Ini bererti dengan adanya kawalan hari ini Kerajaan kita terpaksa rugi lebih kurang \$400 satu tan atas beras Siam 10%. Ini saya rasa tidak patut kenapa Kerajaan kita hendak rugi untuk orang-orang yang mempunyai pendapatan yang lebih dan orang yang mampu untuk membeli beras ini. Walaupun naik \$6.00 dia mampu membelinya kerana pendapatannya besar dan tidak ada kena-mengena dengan rakyat di kampung. Rakyat kampung tidak makan beras itu, dia makan beras yang murah sahaja. Dan masalah yang Kerajaan menarik balik lesen impot tadi kerana hendak mengambil hati Kerajaan Siam disebabkan Kerajaan Siam kata dia rugi dengan sebab ada smuggle, maka saya suka hendak mengesyorkan kepada Kerajaan kita supaya tidak berat sebelah. Sekarang ini ada satu perkara yang tidak pernah disebut oleh orang lain iaitu Kerajaan kita rugi entah berapa ratus ribu setiap bulan iaitu berhubung dengan getah.

Pada hari ini getah kita daripada Malaysia beribu-ribu pikul masuk ke Siam dengan cara haram melalui sempadan di Kelantan, di Perak dan Kedah saya tidak tahu, tetapi Kelantan saya tahu benar. Beribu-ribu pikul getah masuk ke sana dan Siam ekseptot pula keluar. Jadi getah kita yang masuk ke negerinya tidak payah bayar cukai pada

Kerajaan, tidak payah bayar ses, tidak bayar apa-apa dia ekseptor keluar. Maka bagi menyeimbangkan kerjasama yang telah kita berikan berhubung dengan penahanan impot beras tadi, saya rasa patut Kerajaan kita meminta Kerajaan Siam memberhentikan kemasukan getah kita tadi, jangan beri orang dia beli dan jangan beri dia ekseptor getah yang dismugglekan oleh orang-orang kita ke sempadan Siam terutama sekali melalui sempadan Kelantan kerana Sungai Golok itu terlampau panjang, dia smuggle getah kita ini banyak betul. Ini patut kita minta penegasan.

Begitu juga berhubung dengan bantuan buku teks. Bantuan buku teks ini, apa yang saya dengar rancangan Kerajaan \$40 juta hendak membahagikan bantuan percuma kepada sekolah-sekolah kita. Ini memang kita sambut baik kerana kita sama-sama tahu bagaimana kesudahan-kesudahan anak-anak murid kita terutamanya di luar bandar mendapatkan buku pelajaran. Jadi dengan adanya bantuan ini adalah baik sekali. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan di sini, sebab belum lagi dinyatakan oleh pihak Menteri yang berkenaan, ada apa-apa sekatan ataupun limit kepada bantuan tadi. Saya hendak kemukakan sedikit iaitu janganlah bantuan buku teks ini dibuat subsidi sebagaimana beras tadi kepada orang yang kaya juga dapat subsidi. Kalau buku teks ini juga dibahagi percuma kepada semua sekolah bererti orang kaya yang mampu pun dapat percuma juga. Ini saya harap janganlah dibuat begitu. Orang-orang yang gajinya lumayan, termasuk barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, tidak patut diberi bantuan buku teks kepada anak-anak mereka. Biarlah buku-buku teks ini diberi kepada orang yang miskin sahaja dengan percuma semua sekali. Ini kita sokong 100%.

Yang akhir sekali, saya hendak sebutkan berkenaan dengan nelayan. Dahulu pernah saya sebutkan perkara nelayan ini terpaksa saya sebut lagi kerana Negeri Trengganu adalah salah sebuah Negeri yang sangat banyak nelayan. Ada lebih kurang 12,000 kaum nelayan di Trengganu; ini tidak termasuk keluarganya. Kalau kita bubuh 5 orang dalam satu keluarga $5 \times 12,000$ bererti 60,000.

Saya sudah katakan tadi kebanyakannya, bukan semua, sebahagian besar hanya makan nasi sekali sehari dan kadang-kadang bergilir-gilir dengan sebab pendapatan mereka masih lagi sampai hari ini tidak terjamin walaupun kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan samada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang telah mengadakan berbagai-bagai rancangan untuk memberi pertolongan kepada mereka.

Baru-baru ini Kerajaan Pusat telah meluluskan satu rancangan bagi mengadakan Komplek Perikanan di Trengganu. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah. Tetapi kumpulan nelayan ini walau ada apa kompleks sekalipun tidak juga akan terjamin kalau tidak betul-betul usaha ditumpukan untuk menolong khas kepada mereka iaitu kumpulan nelayan-nelayan yang tidak ada mempunyai apa-apa modal pun. Modal yang ada padanya ialah pakaian basahan dan sebilah pengayuh. Mereka ini menumpang dengan "Tangkul" (kumpulan yang pergi ke laut) kerana mereka ini hanya menumpang kepada taukeh-taukeh pukut dan taukeh motor. Pembahagiannya sangatlah tidak berpatutan. Saya misalkan kalau dapat \$1,000 mula-mula sekali dibahagi dua kerana sebahagian untuk motor dan pukut. Lepas dibahagi dua, kalau sebuah perahu itu mengandungi 5 orang, maka dibahagi 6 pula kerana Kepalanya mendapat dua bahagian, jadi bahagian yang sedikit itu barulah dibahagi kepada mereka. Inilah cara pembahagian yang dijalankan. Maka saya rasa ini adalah satu pembahagian yang tidak adil, tidak berpatutan dengan tenaga yang mereka curahkan.

Saya minta, kalau boleh, Kerajaan mengadakan satu undang-undang sebagaimana yang kita buat dengan Undang-undang Tanah Padi, iaitu dengan mengenakan syarat percentage. Misalnya dapat sekian banyak, sekian persen sahaja boleh dibenarkan diambil oleh pihak taukeh pukut atau taukeh motor itu. Katakan 20% ataupun persen yang kita agak patut dan yang selebihnya mestilah dibahagikan kepada pekerja-pekerja tadi. Ini sebagai misalan ataupun apa jua cara undang-undang yang patut dan boleh difikirkan sesuai oleh pihak Menteri yang berkenaan. Inilah yang saya harap untuk menolong kepada mereka ini supaya tidak sentiasa menjadi mangsa kepada taukeh-taukeh motor dan pukut mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan sekarang selama 10 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.53 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.13 petang.

5.13 ptg.

Tuan A. Arunasalam: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri disini menyokong Usul Yang Berhormat Datuk Nik Hassan, kerana mengambil peluang bagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, bagi merasmikan Pembukaan Sidang Dewan Parlimen bulan yang lalu.

Saya sukacita bahawa Titah Ucapan Baginda itu sangat memuaskan hati saya, kerana Titah Ucapan itu sangat mengambil berat terhadap pembangunan negara dan juga untuk kemajuan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Baginda itu ada menyebutkan ajensi-ajensi Kerajaan seperti FELDA. FELDA ini, rasa saya adalah satu langkah Kerajaan yang sangat berkesan bagi menolong rakyat untuk mendapatkan kemakmuran terutama bagi rakyat di luar bandar. Hasilnya pun sudah lebih dari matlamat yang Kerajaan jangkakan iaitu satu keluarga boleh dapat \$600.00 dan ada yang sampai hampir \$1,200.00 bagi satu peserta rancangan FELDA.

Di sini saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Hussain, Perdana Menteri Malaysia kita, kerana rancangan FELDA ini adalah idea beliau. Dan FELDA ini salah satu cara untuk menghapuskan kemiskinan rakyat di luar bandar, dan saya berharap semua kaum boleh turut serta masuk rancangan FELDA. Saya berharap kepada Kerajaan supaya menggalakkan peserta Rancangan FELDA menyimpan wang untuk hari tua mereka, dan juga untuk pelajaran anak-anak mereka. Kita tahu bahawa getah-getah yang mereka toreh itu pada hari ini akan ditanam semula pada satu masa akan datang. Oleh itu, mereka patut membuat simpanan wang dari hari ini supaya mereka senang pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin tambah disini iaitu berkenaan dengan belia. Pihak Kerajaan patut minta semua belia masuk ke dalam penyertaan Rancangan Tanah Belia, kerana jika belia tidak mengambil peluang pada hari ini, mereka akan susah di masa akan datang, dan kesusahan ini akan melibatkan negara. Saya dapat tahu ada juga bilangan belia di tanahair kita ini tidak suka menyambut apa-apa yang telah disediakan oleh Kerajaan seperti Latihan Kemahiran, Rancangan Tanah Belia dan lain-lain. Saya berharap kepada Kerajaan mengadakan penyiasatan, apakah sebabnya mereka tidak suka kepada rancangan itu. Oleh itu, rancangan tanah dan pertanian belia adalah satu langkah yang sangat positif. Pada fikiran saya bahawa belia-belie kita patut diberi fahaman yang cukup dan mendalam tentang erti Rukunegara. Pada pendapat saya apabila mereka faham, maka mereka boleh menjadikan Rukunegara itu sebagai perinsip hidup mereka. Mereka juga boleh hidup dalam masyarakat dengan baik, dan dalam perkara ini juga Kerajaan hendaklah berusaha kuat menghapuskan bahaya duduh, terutama kepada belia-belie yang sedang belajar ataupun tidak. Kerajaan patut memberi penerangan yang cukup kepada belia-belie melalui talivisyen dan memberi penerangan-penerangan kepada penuntut-penuntut di sekolah menengah dan tinggi.

Berkenaan Dakwah Islam, saya fikir bahawa ini adalah satu perkara baik bagi Kerajaan menjalankan kepada orang-orang Islam dan memberi fahaman agama Islam kepada semua rakyat Malaysia. Ajaran agama ini apabila orang sudah faham dapat dibawa kepada jalan yang baik yang boleh mengukuhkan perpaduan kaum. Suatu masyarakat itu juga apabila mereka sudah faham dalam agama dapat pula menjauhkan diri dari perbuatan jahat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga di atas Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan oleh Kerajaan yang mana semua kaum boleh merasai nikmat. Ini adalah satu langkah untuk memperbaiki taraf hidup rakyat negeri ini, dan juga pihak-pihak golongan yang berada patut memberi bantuan kepada golongan yang kurang berada, terutama kepada masyarakat di luar bandar. Pada fikiran saya bahawa sudah sampailah

masanya penduduk-penduduk di luar bandar mendapat bekalan api elektrik dan air. Ini memberi kemudahan kepada mereka.

5.20 ptg.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan penuh kepada Usul terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang mana di dalam Titah Di-Raja sempena merasmikan Penggal Keempat dalam Parlimen Ketiga, bukan sahaja telah memberi penerangan lengkap atas kejayaan-kejayaan Kerajaan pada tahun yang lepas, tetapi telah juga memperlihatkan kepada kita apa yang sudah menunggu di tahun hadapan.

Titah Duli Yang Maha Mulia ini telah memberi Dewan yang mulia ini berpeluang melihat kembali ke tahun yang berlalu bukan sahaja menjadi perangsang dari kejayaan yang telah tercapai tetapi juga dapat dijadikan tauladan dari pengalaman-pengalaman bersedia menghadapi masa depan dengan penuh keyakinan.

Tahun 1973 merupakan yang berlainan dalam beberapa segi. Tahun ini sebagai tahun kekurangan dalam hampir serba-serbinya (a year of shortages)—bahan mentah, barang makanan, tenaga kuasa, dan lain-lain. Di bidang antarabangsa, tahun itu sebagai tahun yang menghadapi ketegangan dalam berlainan bentuk—melawan inflasi, tidak kestabilan matawang, mengatasi kekurangan sumber-sumber bahan, mengatasi kelaparan dan meninggikan taraf hidup berjuta-juta rakyat yang tidak berada di negara-negara yang sedang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya melanjutkan ucapan saya sedikit-sebanyak di dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) The stresses and strains which face mankind today are not entirely new. Even as early as the days of Malthus, there was the fear that population growth would outstrip food production and the problem of feeding the hungry and lifting the improverished have been the targets of human endeavour ever since the beginning of civilisation. What is new is that the shortages of food and raw materials and the energy crisis have dramatised and brought these issues into sharper focus and have awakened all nations, developed or developing, rich or poor, to seek answers to the

fundamental problems of mankind's very existence—the production, consumption, distribution and prices of raw material, food-stuffs and energy. The energy crisis has shown that old assumptions about the terms of trade, about the distribution of the world's abundance, about the traditional relationship between the developed and developing countries are being questioned and challenged.

The question is—should the world community take a lesson from the unprecedented shocks of 1973 and reshape the international environment into a new economic world order in which the interests of the primary producing countries and the industrialised countries can be reconciled in productive cooperation. Or are we to defy commonsense and court catastrophe to continue on this path and allow the cycle to repeat itself a few years hence.

Kita sungguh bernasib baik kerana Malaysia tidak mengalami begitu teruk sebagaimana lain-lain negara membangun akibat krisis tenaga ini, dengan sebab kita sebagai pembekal utama barang-barang mentah yang mana tahun 1973 adalah tahun kemuncak (a boom year). Malaysia membekalkan lebih kurang separuh dari keperluan getah asli di dunia, satu-pertiga dari bijih, lebih kurang dua-pertiga kelapa sawit, kayu-kayan dan hasil hutan dan sekarang pula muncul sebagai pengeluar petroleum. Dengan eksept sebanyak 45% dari Gross Domestic Product (GDP) kita, kedudukan ekonomi luar boleh mempengaruhi kegiatan-kegiatan ekonomi Malaysia. Oleh itu, saya menyeru Kerajaan supaya mengambil daya utama (initiative) untuk memainkan peranan yang lebih bermakna dalam susunan baru ekonomi dunia di mana dapat memesatkan ekonomi dunia dan kemajuannya.

Di dalam negeri kita pula, boleh dikatakan ekonomi Malaysia dalam tahun 1973 telah mendapat banyak faedah dari harga barang-barang eksport yang baik. Dengan itu Malaysia tidak dapat lari daripada tekanan inflasi, samada akibat dari inflasi impot barang makanan, kimia, dan mesin, ataupun daripada inflasi dalam negara kita bersebab dari kuasa membeli (purchasing power) yang berlebihan oleh harga barang yang tinggi. Sebagaimana dalam Titah Duli Yang Maha Mulia, iaitu "inflasi akan terus menjadi masalah besar dan mereka yang berpendapatan rendah yang teruk menerima

akibatnya". Walaupun berbagai cara dan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan punca-punca inflasi, seperti tidak mengenakan cukai dan menarik balik larangan kemasukan beberapa jenis barang-barang impot, kawalan harga beberapa barang penting, kempen anti-sorok, "credit squeeze", dan lain-lain, ada juga memberi kejayaannya. Soal pokok yang mesti dijawab ialah samada langkah-langkah yang diambil ini betul-betul memberi faedah kepada awam, seperti pekerja yang pendapatannya ditetapkan (people with fixed incomes), petani-petani, penoreh-penoreh getah dan nelayan, dan orang-orang yang miskin di dalam kampung baik di bandar atau di luar bandar. Satu lagi soalan yang mustahak ialah, dengan mengadakan kawalan harga dan kempen anti-sorok, bolehkah pengguna-pengguna yang sederhana dapat bekalan barang makanan penting dengan harga yang ditentukan itu?

Dalam hubungan ini saya suka merujuk kepada tambahan cukai (surcharge) yang dikenakan ke atas eksport getah, bijih, kelapa sawit dan kayu-kayan. Sekiranya tambahan cukai (surcharge) ini dimaksudkan untuk mengelakkan berlakunya inflasi, ada baiknya dihapuskan kelebihan kuasa membeli ke atas barang-barang penting dengan cara begini, tetapi oleh kerana hasilnya dibayar sebagai hasil negara, termasuk ke dalam Federal Revenue, maka dianggap tidak adil bagi satu golongan saja (iaitu pengeluar bahan utama atau orang-orang pengeluar getah, bijih timah, kelapa sawit) untuk menanggung bebanan membayar untuk pengguna supaya membolehkan pengguna membeli barang-barang penting itu dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Adalah difikirkan lebih sesuai jika surcharge yang dikenakan ke atas barang-barang penting ini dibayar ke dalam satu Tabung Kemajuan Khas yang mana boleh dikembalikan dengan cara tunai atau dengan barang-barang kepada pengeluar-pengeluar bahan utama di masa harga rendah. Dengan lain perkataan, ia hendaklah didasarkan dengan berbentuk simpan paku untuk pengeluar-pengeluar bahan utama.

Hal ini adalah lebih sesuai kepada pekebun kecil getah yang mana sekarang ini menyumbangkan 55% dari jumlah pengeluaran getah Malaysia. Pekebun kecil telahpun dikenakan cukai, ses dan "surcharge" ke atas RSS No. 1 sedangkan

pengeluaran purata mereka ialah RSS No. 3, 4 dan 5. Oleh itu, jika peruntukan pekebun kecil dari "surcharge" itu boleh dibayar kepada Tabung Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil, wang itu boleh dibelanjakan untuk meninggikan mutu getah pekebun kecil ataupun digunakan untuk kemudahan kemudahan pinjaman, processing, pasaran dan kenderaan.

There is no doubt that inflation is a worldwide phenomenon and although the future remains fluid, it appears that in many industrialised countries, a high rate of price inflation will continue into 1974, though perhaps at a lower tempo than in 1973. Hence inflation will be with us for quite some time and the problem is to keep price inflation under control. Although the anti-inflationary measures adopted by the Government to tighten liquidity and the imposition of fiscal and other measures to curb excessive purchasing power can be said to be effective, it is important to stress that the credit squeeze should not be overplayed as otherwise there will be deflation and consequently unemployment.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, dalam Titah Di-Raja menyeru mengujukkan satu masyarakat yang benar-benar bersatupadu aman dan makmur. Masyarakat ini mestilah ditanam dengan semangat Malaysia dan mempunyai identiti Malaysia. Padanya mestilah ada rasa taat setia kepada negara dan rasa penyertaan (sense of participation) yang mesti bermula dari bangku sekolah lagi. Dalam perkara ini mustahak diberi peluang yang sama kepada belia memperoleh pelajaran tinggi dan kemahiran teknik supaya mereka boleh memainkan peranan sewajarnya dalam pembangunan negara. Dengan itu saya mendesak Kerajaan menyediakan cukup tempat untuk pelajar-pelajar yang ada kelayakan akedemik untuk melanjutkan pelajaran mereka di sekolah menengah dan institusi pelajaran tinggi, tanpa mengira keturunan, warna dan agama. Kalau tidak, kita hanya menambahkan ramai bilangan golongan intelek muda yang putus asa yang mungkin menyalahgunakan bakat mereka.

Banyak orang yang menggunakan soal pelajaran dan bahasa bagi melanjutkan kepentingan politiknya sendiri. Ini tidak harus jadi begitu, kerana selepas 17 tahun merdeka, tidak timbul soal Sistem pelajaran kebangsaan kita diarah menjadikan Bahasa

Malaysia sebagai alat perantaraan yang tunggal di sekolah-sekolah dan universiti-universiti. Di samping itu pula, Perlembagaan menentukan bahawa ibubapa boleh menghantar anak mereka ke sekolah yang dipilih sendiri, terutamanya mempelajari dan menggunakan bahasa ibundanya. Samada betul atau tidak, ada kebimbangan yang pelajaran dalam bahasa ibunda di peringkat sekolah rendah akan dihapuskan kerana Bab 21 (ii) dalam Akta Pelajaran 1961.

Now as long as there is this anxiety, there will be politicians, in particular Opposition Parties, who will want to exploit the situation. The Minister of Education has repeatedly said in this Dewan and in the Dewan Rakyat that Clause 21 (ii) of the Education Act is an enabling clause but it will not be used to change Chinese and Tamil medium primary schools. In fact, this declaration is not new. As far back as 1956, the Razak Report (when our Prime Minister was then the Minister of Education) had already forged a "new policy based upon the decision to make Malay the National Language, whilst preserving the languages and cultures of the other domiciled races of the Federation". This policy still holds good today and we have none other than our Prime Minister, Tun Abdul Razak, to nail any misgivings about the future of Chinese or Tamil schools in this country. In fact, I would like to call upon the Government to adopt a more positive approach to the development of mother tongue education, and that in line with the Razak Report, it should not even cease at primary level but be pursued up to secondary and even tertiary level. In this respect, the independent Chinese secondary schools should be given every assistance by the Government.

Akhir sekali, saya suka menyentuh hal ehwal luar negeri. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas cara yang realistik dan pragmatik dalam dasar luar yang berdasarkan konsep saling menghormati kedaulatan dan hal ehwal dalam negara masing-masing.

The positive and dynamic approach towards establishing diplomatic relations with almost all the socialist countries in Eastern Europe and now the impending move to establish diplomatic relations with the People's Republic of China has enhanced Malaysia's prestige in the world community and strengthened Malaysia's position amongst

the non-aligned nations. In the present climate of detente between the East and the West and in pursuance of the ASEAN concept of establishing a zone of peace, freedom and neutrality in South East Asia, it is impractical not to recognise the existence of a country with the largest population in the world and a Government which has been in power for the last 25 years. There is no doubt that since the establishment of diplomatic relations with the socialist countries in Eastern Europe, there has been an increasing flow of direct trade between Malaysia and these countries, which are important consumers of Malaysia's primary commodities. In fact, in the many East European countries I visited in the last year or two, there is even legislation in some of these countries that they must buy primary commodities direct from primary producing countries instead of through third countries. This is particularly so of natural rubber. It is hoped that after diplomatic relations have been established with the People's Republic of China, there will be a further expansion of trade and other relations with China, which has the best potential of being the largest consumer of natural rubber in the world.

Peranan positif yang diambil oleh Malaysia dalam tahun-tahun yang lalu bagi menguatkan hubungan diplomatik, perdagangan dan kebudayaan dengan negara-negara Islam di Asia dan Afrika, dan peluang yang diberi kepada Malaysia menjadi tuan rumah kepada persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam di Kuala Lumpur bulan hadapan adalah cukup membuktikan Malaysia di pandang tinggi oleh dunia Islam. Sokongan Malaysia terhadap negara-negara Arab dalam perjuangan mereka mengambil semula tanah yang telah hilang telah juga menempatkan Malaysia bersuasana baik semasa krisis tenaga. Dengan adanya perhubungan persahabatan dengan semua negara di dunia, walau apapun ideologi atau sistem ekonomi, memuji dasar luar Malaysia.

5.38 ptg.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul yang dikemukakan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu daripada satu masa ada pertukaran daripada seorang Raja kepada seorang Raja menjadi Yang di-Pertuan Agong di dalam negara kita ini. Sepatutnya pada masa yang akan datang apabila sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku kepada seseorang Duli Yang Maha Mulia maka patutlah kita di sini bertafakur.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyetuh berkenaan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Di sini kita berbahas sesama kita dan kita tidak boleh tahu apa akan berlaku selepas kita keluar dari Dewan ini. Saya beri satu contoh. Apa yang telah berlaku di Kuala Kangsar di hadapan Balai Polis sendiri bahawa seorang mata-mata telah ditembak di hadapan orang ramai dan banyak lagi yang telah berlaku seperti di Sungai Siput, Malim Nawar, di Kedah dan di lain-lain tempat, bahkan di Kuala Lumpur ini pun berlaku. Adakah kita hendak berdiam diri seperti ini sahaja? Tidakkah kita mengambil perhatian yang lebih berat dari mana datangnya senjata-senjata ini? Yang paling pelik sekali ialah apabila mereka itu telah ditangkap. Apabila berlaku sahaja kejadian maka ada sahaja peguamnya untuk membela nasib mereka. Di sini saya harap Kerajaan mengambil perhatian yang berat iaitu memberi seberapa banyak biasiswa-biasiswa kepada pegawai-pegawai polis supaya mereka pula tahu akan hal ehwal undang-undang, dan bila mereka lulus di dalam undang-undang kelak bolehlah berlawan di dalam Mahkamah. Setengah daripada pegawai polis ini tidak mempunyai ijazah undang-undang. Ini adalah suatu perkara yang patut kita ambil perhatian yang berat. Kita hanya boleh mendengar dari siaran mengatakan di sana mati, di sana kena tembak, di sini kena bunuh, tetapi berapa banyakkah perkara yang sudah berlaku yang dapat di ketahui oleh Dewan ini yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan dihukum?

Tuan Yang di-Pertua, ramai pegawai-pegawai Kerajaan Division 1 yang telah meletakkan jawatan: doktor-doktor dan juga pegawai-pegawai income tax, begitu juga setengah daripadanya tawaran telah diberi kepada Health Inspectors tetapi tak mahu diterima. Kita tidak boleh menafikan. Apakah sebabnya mereka tidak mahu menerima dan meletakkan jawatan dan melarikan diri daripada berkhidmat dalam Kerajaan? Sepatutnya perkara ini dikaji, adakah disebabkan gajinya kurang ataupun tidak mendapat

layanan yang lebih baik, umpamanya, Health Inspector. Pada masa dahulu sebelum perang mereka itu mendapat gaji yang lebih tinggi daripada dresser, tetapi sekarang apa telah jadi kepada kedudukan mereka, sungguhpun mereka mempunyai diploma, tetapi tingkatan gajinya serupa dengan dresser. Jadi, lama-kelamaan orang-orang lain akan mengambil peluang untuk menggunakan mereka ini berkhidmat di dalam syarikat-syarikat, tetapi bagaimanakah kedudukan perkhidmatan Kerajaan pada masa yang akan datang.

Saya suka menyetuh berkenaan dengan pekerja-pekerja dan majikan-majikan. Nam-paknya pada masa sekarang ini union-union di seluruh negara ini kalau Ahli-ahli Yang Berhormat pergi di merata pekan boleh menengok picket yang berlaku daripada satu syarikat ke satu syarikat menuntut bermacam-macam tuntutan. Ada setengahnya betul dan menasabah: ada setengahnya tidak menasabah, kerana bukannya semua syarikat di dalam Malaysia ini ada mendapat ke-untungan. Saya berikan satu contoh berkenaan dengan elaun khas. Kerajaan telah memberikan elaun khas. Setengah-setengah pekerja menuntut elaun khas ini samada mereka tahu, faham atau tidak, di dalam sesebuah syarikat itu untung atau rugi. Mereka mengambil keputusan bekerja go-slow, tetapi yang sebenarnya apakah akibat yang telah berlaku di dalam ibukota ini? Umpamanya Syarikat Pengangkutan Sri Jaya. Mereka menuntut elaun. Bekerja go-slow. Go-slow yang dibuatnya ialah mogok dengan secara haram. Akibat yang buruk telah menimpa kepada murid-murid yang hendak pergi ke sekolah, pekerja-pekerja yang hendak pergi ke kilang-kilang. Ini menyusahkan orang ramai walaupun Elaun Khas yang dituntut telah diberi. Ini juga akan meruntuhkan kedudukan ekonomi negara kita, jikalau ianya tidak diperbaiki atas kedudukan union-union ini dahulu. Saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian berat bagi mengadakan sebuah Jawatankuasa yang menentukan samada union-union atau ahli-ahlinya berkehendakkan mogok ataupun go-slow dan sebagainya sebelum mereka mengambil keputusan sendiri untuk mengadakan go-slow ataupun mogok.

Saya perhatikan perjalanan perbahasan di Dewan ini adalah berlainan, setengah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan masalah pelajaran. Saya

terkejut mendengarnya tadi. Kita sekarang berkehendakkan sebuah negara yang penduduk-penduknya terdiri dari berbagai-bagai bangsa mestilah dicari suatu keputusan yang muktamat bagi menyatupadukan rakyat di negara ini. Dahulu saya telah memberitahu bagaimana caranya hendak menyatu-padukan rakyat dalam Malaysia ini. Cuma ada dua cara sahaja, iaitu satu dengan cara inter-marriage, kahwin campuran antara satu bangsa dengan bangsa yang lain, ataupun dengan menggunakan satu bahasa sahaja. Di dalam Perlembagaan telah menetapkan iaitu bahasa Melayu ialah bahasa rasmi di dalam negara ini dan kita berkehendakkan mereka ini belajar bahasa Melayu dan tidak pula meninggalkan bahasa-bahasa ibundanya. Jikalau kita berpanjangan sehingga sampai ke universiti bahawa ada bahasa Cina, ada bahasa Tamil dan ada bahasa Melayu maka kita akan berpecah-belah di antara satu dengan lain. Saya berharap Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap sebentar tadi berfikir dua kali dahulu sebelum membuat sesuatu keputusan di dalam Dewan ini, sebab kita adalah terdiri dari Dewan yang tertinggi dan fikiran kita ini adalah di hormati bukan sahaja di dalam Malaysia bahkan juga didengari oleh seluruh dunia apa yang kita bincangkan dari Dewan ini. Sekiranya kita bersama-sama tidak memikirkan, atau menghalusi akan perkara ini, maka sangatlah dukacitanya bahawa kita tidak akan di hormati sebagai satu Dewan yang tertinggi.

5.48 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama membahaskan Usul yang dibawa oleh rakan saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan yang mana untuk meyembahkan satu ucapan terima kasih daripada Dewan ini kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapannya pada 15hb April yang lalu.

Dalam masaalah ini saya cuma hendak menyentuh satu dua perkara yang mana di rungutkan oleh seorang rakyat di tempat saya di Seremban. Rayuan yang dibuatnya ialah berhubung dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Suka saya menyatakan supaya pegawai yang berkenaan yang ada di sini dapat membuat catitan dan dapat membuat tinjauan supaya perkara ini tidak begitu berlanjutan.

Ahli yang tidak puashati itu nombornya ialah 2346033 yang mana sehingga 20 bulan caruman yang dipotong oleh majikannya tidak dihantar ke Pejabat KWSP. Mengikut apa yang dinyatakan oleh Pengurus Besar KWSP seperti mana suratnya yang bertarikh 5-11-1973 kepada ahli itu, sehingga hari ini keputusan yang muktamat belum lagi diperolehi walaupun sesudah lima atau enam bulan berlalu. Perkara ini sudah terang disebutkan nama syarikatnya, disebutkan nombor ahli berkenaan, tetapi sehingga enam bulan belum dapat diselesaikan. Perkara ini kalau selalu berlaku, yang mendapat akibat buruk ialah Kerajaan yang memerintah hari ini, tetapi yang melakukan perbuatan itu ialah pegawai-pegawai yang menjalankan, yang ditugaskan untuk menyempurnakan perkara itu. Walaupun surat menyurat yang berlaku di antara ahli yang tak puas hati akhir jawapannya pada 7-1-1974 menyatakan barulah perkara itu diserahkan kepada pihak yang berkenaan. Begini bunyi suratnya: Lanjutan surat pengaduan 5-11-1973.

"Saya ingin memaklumkan tuan bahawa tindakan telah diambil untuk merujukkan pengaduan tuan kepada Pemeriksa KWSP."

Tindakan baru hendak dirujukkan, sesudah daripada bulan Oktober dahulu dia mengadu, bulan Januari baru hendak dirujukkan. Walaupun dalam jawapannya sendiri telah menerangkan bahawa syarikat itu tidak menghantar potongan caruman pekerja itu daripada bulan April tahun 1971, sehingga bulan Disember, 1972. Ini dalam rekod pihak KWSP ada tercatat, tetapi tindakannya tidak berjalan. Kalau saya katakan ada penyelewengan, barangkali tuduhan saya itu berat, kerana pegawai yang bertanggungjawab itu tidak dapat menjawab apa yang saya nyatakan di dalam Dewan ini, tentulah tidak adil. Saya harap kepada pihak yang berkenaan itu supaya dapat mengambil tindakan yang segera.

Perkara yang kedua, saya mintalah kepada Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru iaitu sebuah kampung baru orang Melayu yang ada di Seremban iaitu Kampung Baru Pantai, yang mana Kampung Baru Pantai ini berlainan kedudukannya dengan kampung-kampung baru orang-orang China. Apa yang saya muskalkan, atau yang dimuskalkan oleh penduduk-penduduk kampung baru itu adakah kawasan Kampung Baru Pantai itu

masih lagi dinamakan Kampung Baru atau tidak? Kalau sekiranya Kampung Baru Pantai masih lagi jadi kampung baru, tentu ada peruntukan-peruntukan daripada Kerajaan seperti mana kampung-kampung baru yang lain untuk memperbaiki jalanraya-jalanraya yang ada di dalam kawasan itu, membaiki longkang-longkang, membaiki balai-balai raya dan sebagainya, tetapi malangnya pada Kampung Baru Pantai ini tidak ada satu pembelaan langsung. Bila dibawakan perkara ini dalam Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah, maka dijawabkan perkara ini adalah di bawah pentadbiran Kementerian Penyelarasan Kampung-kampung Baru yang dasarnya sendiri ada. Apa yang saya nyatakan ini mungkin berlaku juga sebagaimana yang dinyatakan oleh sahabat saya Dr Lim Keng Yaik yang mana geran-geran bagi tanah-tanah yang diduduki oleh mereka itu sudah 26 tahun lebih, sehingga hari ini tidak ada ketentuan, sehingga ada penduduk-penduduk di situ yang ingin membuat rumah yang sempurna, tidak dapat dilaksanakan kerana geran tanahnya TOL, kalau hendak dicagar-kan pada bank tak boleh, kalau hendak dibuat rumah atas tanah lesen TOL itu takut pula kalau tidak dapat diberikan atau dapat dimiliki oleh orang yang membuat rumah itu. Rasa saya perkara ini patut diambil tindakan yang serious oleh Kementerian berkenaan. Kalau perkara ini ada kemungkinan berkaitan dengan Pegawai Daerah atau Pegawai Tanah, kalau pegawai tak cukup, kita tambahlah pegawai lagi kerana masaalah tanah ini, rasa saya sulit sangat, dan masaalah yang timbul ini bukan sahaja di Negri Sembilan, bahkan di seluruh negara. Cara mengatasinya, rasa saya tentulah dengan ditambah beberapa banyak pegawai yang difikirkan patut.

Berhubung dengan masaalah tanah ini juga, seperti mana yang saya nyatakan dalam kampung-kampung baru, apa yang mendatangkan kesusahan sekarang, umpamanya hari ini Kerajaan mengeluarkan geran akibatnya yang buruk yang ditanggung oleh penduduk kampung baru itu bayaran premiumnya sudah tiga atau empat kali ganda naik. Juga cukainya pun berbeza dengan cukai 10 tahun dahulu, tetapi yang punya kehendak itu bukannya penduduk-penduduk itu sendiri. Kesilapan itu adalah

dilakukan oleh pentadbiran kita sendiri, iaitu pegawai-pegawai kita sendiri yang tidak dapat melaksanakan dengan segera.

Ucapan saya ini hanyalah semata-mata untuk menyampaikan rungutan dari apa yang disampaikan oleh Senator Abdul Samad tadi yang mana pesara-pesara yang dijanjikan dapat tambahan pencen sehingga hari ini belum dapat bayaran. Ini juga pelik. Kerana segala rekod-rekodnya ada, segala orang yang menguruskan ada, sebab saya katakan begitu, ada yang sudah dapat bayaran tunggakan. Tetapi orang yang sudah dapat tunggakan itupun tidak dapat bayaran tambahan yang telah diluluskan itu, walaupun buku pencenya sudah bertukar. Maka pencen yang ada di dalam buku itu cara lama juga, barangkali mungkin satu kali lagi tunggakan akan datang kepada mereka itu. Saya harap kepada pihak yang berkenaan memandangkan zaman inflasi ini, supaya kita berterima kasih kepada pesara-pesara yang telah berkhidmat dengan begitu baik, janganlah sesudah mereka bersara, kita zalimi dan haknya mendapat sesuatu itu kita lambat-lambatkan. Saya berharap pada pihak, yang berkenaan supaya dapat menimbangkan rayuan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Usul yang dibawa oleh rakan saya bagi mengucapkan syukur dan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong masa membuka Parlimen pada 15hb April yang lalu.

5.00 ptg.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan di atas Titah Ucapan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya suka bercakap dengan ringkas sahaja. Pertama saya hendak bercakap berkenaan kaum-kaum nelayan yang mana dibawa juga oleh sahabat-sahabat saya tetapi saya hendak bercakap untuk kaum-kaum nelayan di Pulau Pinang. Saya nampak nelayan-nelayan ini, umum di merata tempat dianaktirikan kerana kalau kita banding hari ini kita telah mendapat kemerdekaan selama 17 tahun tetapi keadaan hidup mereka lebih teruk daripada sebelum merdeka dulu sehingga saya dapat tahu benar-benar pendapatan mereka antara \$40 dengan \$60 sebulan. Kalau

keadaan ini berlanjutan, saya bimbang tentu mereka itu tidak puas hati dan apa-apa juga kemungkinan akan terjadi kepada negara kita.

Yang anihnya, apabila kita melihat vote yang diberikan oleh Kementerian ini, saya fikir tidaklah begitu kurang, tetapi saya hairan bagaimanakah keadaan mereka ini makin sehari makin susah. Di Pulau Pinang, Seberang Prai tidak kurang ada 20 ribu kaum-kaum nelayan. Oleh kerana keadaan mereka itu sangat rumit, maka pada satu ketika, lebih kurang 6 bulan sudah, kita telah menjemput Menteri yang berkenaan, untuk berjumpa ahli-ahli nelayan di Bayan Lepas yang berjumlah lebih kurang ada 100 orang dan telah bercakap atas penderitaan mereka dan Menteri yang berkenaan telahpun berjanji untuk menolong memberi bot dan berbagai-bagai lagi. Hari ini 6 bulan telah berlalu, jangan katakan dapat bot, jawapan sepatih pun tidak. Saya telah bercakap perkara ini dalam Dewan ini pada masa yang lampau tetapi nampaknya tidak memberi satu kesan apapun.

Saya menentuhkan mengenai UDA. UDA telah berjanji untuk mengadakan satu projek yang besar di Tanjung Tokong lebih kurang setahun atau dua tahun dulu untuk memperbaiki ataupun mengadakan satu model rumah-rumah untuk memperbaiki keadaan perumahan khususnya orang Melayu di Tanjung Tokong, hari ini nampaknya senyap sunyi seolah-olah UDA ini tidak ada di Malaysia. Tetapi bagaimanapun baru-baru ini saya kedengaran iaitu UDA telahpun selesai kerjanya di Kuala Lumpur. Alhamdulillah syukur, dan akan pergi ke Negeri-negeri lain dan saya berharap supaya UDA segeralah kalau boleh datang ke Pulau Pinang dulu, kerana Pulau Pinang ini boleh dikatakan belum ada lagi satu gerai bumiputra di bandar. Saya harap mintalah Kerajaan ataupun UDA khususnya ambil perhatian atas perkara ini dan soal tanah tidak menjadi masalah, kalaulah misalnya tidak ada tanah di Pulau Pinang, saya sanggup bahawa ada banyak tanah-tanah wakaf yang boleh digunakan untuk membina gerai-gerai yang saya katakan tadi.

Mengenai Kementerian Kebajikan, masalahnya ialah satu mala petaka telah terjadi di Seberang Prai Utara yang mana saya percaya Menteri-menteri pun tahu, seorang telahpun mati dan 70 keluarga telahpun kehilangan rumah dan saya berharap Menteri

yang berkenaan tolonglah ambil berat dan memberi pertolongan kepada orang-orang yang menjadi mangsa ribut itu.

Saya telah mendapat tahu daripada pemborong-pemborong bumiputra, khususnya saya dapat tahu di Pulau Pinang, mereka menghadapi satu kesulitan hari ini oleh kerana mereka telah menerima tender-tender pada setahun dua dengan satu harga yang murah, tetapi dengan kerana inflasi dan harga-harga barang misalnya simen dan berbagai lagi telah naik meningkat tiga empat kali ganda dan kalau mereka menjalankan juga kerja-kerja ini dengan tender yang dulu, tentu sekalilah mereka akan rugi. Oleh kerana itu, saya berharap supaya Kerajaan mengambil perhatian dan kalau boleh memberi pertolongan supaya mereka tidak dapat kerugian iaitu mengadakan satu subsidi.

Saya suka sentuh berkenaan dengan Bank Bumiputra. Masalah yang saya suka hendak bercakap terutama berkenaan dengan pinjaman. Saya diberitahu pinjaman-pinjaman yang diberi kepada Ahli-ahli Bumiputra di Pulau Pinang khususnya terlampau lama sangat untuk diproseskan sehingga memakan masa yang berbulan-bulan dan seperti Tuan Yang di-Pertua tahu pada peniaga masa adalah emas. Kalau hendak menunggu wang itu datang tiga empat bulan, saya fikir kedai ditutup. Tujuan saya di sini supaya Pengurus di Kuala Lumpur memberi lebih kuasa kepada Pengurus-pengurus di Negeri-negeri supaya mereka dapat kuasa ini dan boleh bagi pinjaman yang lebih lekas.

Dalam masalah Bank Bumiputra juga, saya telah dapat sungutan daripada orang ramai iaitu masalah kakitangan. Ini sangat mendukacitakan kerana banyak kakitangan bumiputra tidak melayani orang ramai atas cara yang sepatutnya dan ini akan merugikan kita kalau dibandingkan dengan bank-bank yang lain. Saya masih ingat pada suatu masa, suatu ketika saya telah menghantar seorang daripada orang saya untuk menukar wang. Bila sampai di bank, saya fikir sepuluh minit sebelum pukul 3.00 dan kakitangan di situ memberitahu bank sudah ditutup. Orang saya itu pergi ke bank lain sampai di sana pukul 3.05 dan dapat tukar wang. Ini adalah satu perkara yang benar. Kalau beginilah jalannya, saya bimbang bank kita ini, Bank Bumiputra yang kita sayangi ini akan hilang customer mereka. Tetapi kepada saya dan orang-orang yang bersemangat tetap tidak akan berubah daripada Bank Bumiputra.

Bila saya menyentuh soal bank, saya percaya banyak dari bank-bank swasta belum lagi menjalankan dasar Kerajaan untuk menolong bumiputra. Saya berharap supaya Kerajaan mengambil perhatian atas perkara ini dan ambil tindakan yang sewajarnya.

Yang akhir sekali ialah suatu masalah yang besar, iaitu masalah tanah. Saya perhatikan iaitu Kerajaan terlampau bagi kebebasan menjual tanah kepada orang yang bukan warganegara dan saya bimbang kalau-kalau kita tidak adakan satu undang-undang menyekat perkara ini maka kita akan menyesal pada suatu masa nanti kerana orang yang bukan warganegara adalah orang yang tidak taat setia kepada negara ini kalau sekiranya dibebaskan dan mereka ini pula orang hartawan yang datang daripada luar negeri akan membeli tanah kita dari satu masa dan satu ketika boleh jadi separuh atau lebih daripada separuh tanah ini akan dipunyai oleh orang yang bukan warganegara. Oleh itu saya mencadangkan supaya Kerajaan mengharamkan pembelian tanah-tanah kepada orang yang bukan warganegara kerana saya mendapat tahu di negeri-negeri jiran kita telah pun menjalankan undang-undang seperti ini.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ada lagi beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, saya akan membenarkan perbincangan ini diteruskan selepas waktu Pertanyaan hari esok sehingga pukul 4.00 petang. Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab selama 2 setengah jam kemudian.

Saya minta Yang Berhormat Datuk Abdul Razak meringkaskan ucapannya.

6.10 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang sama mengucapkan sokongan kepada Usul yang dibawa oleh Datuk Nik Hassan bin Nik Yahya kerana mengucapkan terima kasih kepada Titah Ucapan Di-Raja. Cuma satu sahaja saya hendak ingatkan dan ini bukan pindaan perkataan selepas "syukur dan terima kasih" itu diubah kepada "menjunjung kasih". Saya harap ini bukan pindaan tetapi pada masa yang akan datang diubah perkataan "terima kasih" itu kepada

"menjunjung kasih". Dalam Usul ini ada perkataan-perkataan yang tinggi, yang zalil dan lain-lain, apa salahnya jikalau kita iringi dengan perkataan "menjunjung kasih" kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Baginda pada masa pembukaan Penggal Keempat Parlimen Yang Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam masalah perbincangan Usul ini, saya hendak sentuh tiga empat perkara.

Pertamanya, ialah masalah daging di dalam negara kita. Di dalam negara kita sekarang ini ada menggunakan tiga mata daging. Kalau kita beli barang di kedai-kedai Tionghua, mereka gunakan daging panjang. Kalau kita pergi ke kedai orang India, mereka gunakan neraca. Kalau kita pergi pula ke kedai-kedai moden sedikit, mereka pakai pound. Jadi kita menghalalkan 3 sistem timbangan.

Perkara yang saya hendak sebutkan di sini ialah berhubung dengan orang luar bandar. Sebab mengelat daging ini ada. Saya fikir orang berniaga tahu mengelat daging ini walaupun nombornya dicap pada daun atau batu daging itu, tetapi mengelatnya boleh dibuat dan masih tidak rahsia pengelat daging ini. Tidak payahlah saya panjangkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini tentang bagaimana kita boleh mengelat daging. Kalau kita hendak menggunakan daging pada pembelian kita, kita gunakan satu daging ertinya di hujung pangkal daging itu dibuboh berat sedikit supaya sentiasa terjongkit ke atas. Apabila kita menjual, kita tahu kosongkan sedikit tempat letak tambahan benda itu supaya tali itu boleh terbujur. Dengan demikian, timbangan itu berat. Jadi pengelatan ini telah lama sangat berlaku. Kita sudah merdeka. Apa salahnya kita satukan bahawa semua daging di Malaysia ini kita gunakan satu daging sahaja iaitu Daging Neraca. Sebab sekarang ini kita sudah berbuat baik dengan negara-negara di Asia. Kalau kita gunakan daging pound, orang luar bandar payah hendak mengira kati kepada pound, pound balik kepada kati dan ini pun akan timbul pengelatan walaupun sedikit, tetapi oleh kerana banyak, bermilion orang yang menggunakannya, perkara ini patutlah dikaji oleh Kerajaan.

Yang kedua, dalam masa kita berbahas menjunjung kasih atas Titah Ucapan, apalah salahnya kalau kita membawa Ahli-ahli Yang Berhormat ini ke pandangan sekeliling Istana

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Undang-undang menebang kayu akan diadakan dalam masa yang tidak berapa lama lagi. Istana-istana Di-Raja di negara-negara luar umpamanya di England tidak ada sebarang perlindungan istana itu dengan jalanraya supaya rakyat boleh melihat dan menyaksikan, umpamanya bangunan Buckingham Palace dengan tujuan bahawa itu sebagai satu simbol. Tetapi apa yang berlaku pada negeri kita ini adalah berlainan. Jikalau kita duduk di simpang bulatan dekat dengan Bangunan UMBC, kita akan dapat tengok pokok jati dan hujung menaranya sahaja. Apa salahnya kalau kita tebang semua pokok-pokok yang di sekeliling pagar itu dan kita gantikan dawai dengan besi yang elok dan pagarnya yang sempurna.

Banyak rumah-rumah orang kaya, hartawan dalam negeri ini yang pagarnya agak menarik tetapi berlainan dengan pagar istana. Istana Negara kita masih pagar mata punai. Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya saya tidak boleh bercakap atas perkara ini. Cubalah Yang Berhormat Menteri pergi dengan kereta ke Petaling Jaya, jalan perlahan-lahan sedikit bagaimana pandangan di situ dan kemudian bandingkan dengan pandangan di tempat-tempat yang kita pernah melawat. Kalau kita biasa pergi ke Taipei dan ke London boleh menengok dan begitu juga di lain-lain tempat. Istana President, Istana Raja, patutlah menjadi simbol, pada hal perkara ini sudah lepas. Sepatutnya istana ini patut dipindahkan di Angkasapuri sekarang ini yang sebaik-baiknya supaya menjadi satu kawasan yang lapang yang boleh ditengok oleh sekeliling. Tetapi keadaan-keadaan sudah tidak boleh mengizinkan apalah salahnya kalau perkara itu diperbaiki. Saya mohon supaya perkara ini mendapat perhatian dari pihak yang berkenaan terutama para Menteri kita yang ada dalam Dewan ini boleh membisikannya. Saya fikir kalau sekiranya dapat disaksikan maka dapat menambahkan lagi daripada apa yang saya ucapkan.

Yang kedua, rumah berek atau rumah private di depan istana itu patut dibeli oleh Kerajaan. Rumah private 8 pintu agak saya dan padang bola itu dijadikan sebahagian daripada Istana Negara. Kalau lekok ditambah supaya cantik, megahlah keadaan istana nampaknya pada pandangan rakyat. Sebab itu sebahagian daripada tempat yang patut pelancung-pelancung luar negeri mengetahui di mana tempat kediaman atau di mana

yang dikatakan Istana Negara. Kalau hari ini kita tunjuk pun tentulah tidak begitu baik kerana pagar-pagar itu sepatutnya sudah tidak ada, tetapi masih ada lagi hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkenaan dengan kapal haji. Menteri Tanah dan Tugas-tugas Khas telah membuat kenyataan (statement) dalam surat khabar dan gambarnya pun ada tersiar dalam surat khabar *Utusan Melayu* bertarikh 14hb Mei, 1974. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan potongan akhbar itu yang antara lain berbunyi:

"Katanya pihak Lembaga akan menentukan supaya kapal yang akan menggantikan kapal Malaysia Kita tidak kurang mutunya daripada kapal yang ada sekarang."

Jadi sahiihah jikalau kita amati daripada ayat statement ini bahawa kapal yang akan datang ini hanya tidak kurang mutunya daripada kapal yang ada iaitu kapal "Malaysia Kita" dan kapal Malaysia Kita itu patut dikondemkan.

Pernah berlaku terbakar di laut dekat Jeddah. Tetapi orang haji ini tidak mahu bercerita, sebab kalau bercerita barang yang tidak elok itu kurang menaifkannya. Tetapi Tuhan tunjukkan terbakar di Singapura. Jadi statement itu bukanlah melegakan fikiran orang ramai terutama orang-orang yang hendak pergi haji maknanya mutunya dikekalkan dengan kapal yang ada sekarang ini iaitu kapal "Malaysia Kita" sedangkan kapal Malaysia Kita pun uzur yang patut diganti baru. Apa salahnya kita mengkajinya pada masa akan datang ini supaya kita beli kapal baru walaupun harganya bermilion ringgit. Apa gunanya kita beli kereta buruk walaupun harganya mahal. Rolls Royce misalnya harganya mahal tetapi dia berjalan 10 atau 20 batu sejam. Jadi ada satu ribu masalah daripada orang haji sendiri, tetapi oleh sebab memikirkan perkara ini tidak patut dikemukakan lebih jauh. Apa yang dikehendaki oleh orang haji ialah nikmat dan kemudahan pergi ke Mekah daripada Kerajaan yang sudah merdekakan negeri ini.

Lagi satu perkara yang saya hendak bercakap ialah bersabit dengan Titah Ucapan di-Raja, iaitu:

"Beta sukacita mendapat tahu bahawa Kerajaan Beta dengan bantuan Kerajaan Union of Soviet Socialist Republics sedang

menjalankan kajian terhadap kemungkinan membina sebuah ampangan di Tembeling, Pahang. Projek ini bertujuan untuk memberi kuasa letrik hydro sambil mengurangkan bencana banjir."

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh bersimpati dengan apa yang dititahkan ini dan saya menjunjung kasih perkara ini disebutkan dalam Titah Ucapan. Perkara yang patut ditimbangkan iaitu apabila ampangan ini siap mengikut kajian lebih 80 batu mudek ke hulu daripada ampangan itu penuh air dan memakan masa setengah atau satu batu daripada perut sungai kiri-kanan tebing sungai itu akan tenggelam. Perkara ini akan memusnahkan kehidupan sebahagian rakyat yang hampir-hampir 3.000 orang di lembah sungai itu. Inilah perkara yang patut saya merayu (appeal) dalam Dewan yang mulia ini supaya kita dapat mengkaji kehidupan orang yang berpindah itu nanti tidak akan lebih susah daripada masa-masa yang dahulu.

Dalam masaalah membuat letrik hydro, Cameron Highlands juga sudah mempunyai letrik hydro. Dua cabang anak Sungai Pahang iaitu Sungai Serau dan Sungai Tanom telah dikerat alirannya masuk dalam kawasan letrik hydro dan sekarang ini satu lagi letrik hydro akan dibuat. Ini mengakibatkan lebih kurang hampir 3.000 orang penduduk yang mesti berpindah meninggalkan semua hartanya sebab tempat itu akan dilanda oleh air. Saya merayu kepada Kerajaan supaya orang ini akan diberi sepenuh pertimbangan, mudah-mudahan ia berpindah dengan keadaan yang selamat daripada masa dahulu.

Berhubung dengan masaalah banjir ini, Negeri Pahang sekarang ini adalah sebuah Kerajaan yang teruk hendak menempatkan mangsa-mangsa banjir. Rumahnya, segala persiapan asasnya, kemudahan asas seperti api dan air juga menetapkan kehidupan pada masa akan datang. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya mengambil syer yang sama dengan Kerajaan Negeri Pahang membantu memulihkan kehidupan mala-petaka atau mangsa-mangsa banjir ini sebab mereka ini bukanlah khususnya tanggungjawab kepada Kerajaan Negeri sahaja semata-mata sebab ini adalah bencana alam yang harus dipikul sama oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Pusat.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai masaalah pelajaran. Pada masa ini Jabatan Pelajaran atau Kementerian Pela-

jaran terutama sekali dalam sekolah menengah adalah menerima murid-murid yang lulus sahaja. Apabila lulus Peperiksaan L.C.E. akan diterima naik ke Tingkatan IV dan siapa yang tidak lulus, terpulanglah kepada diri masing-masing. Jika tidak lulus dalam Peperiksaan S.P.M. kalau hendak dapat sijil carilah tempat sendiri. Begitu juga kalau sekiranya aggregate Sijil S.P.M. itu rendah itupun tidak boleh masuk dan tidak boleh belajar di Tingkatan VI. Yang baiknya diterima dan yang tidak baiknya terpulanglah kepada mereka sendiri dan kepada ibu-bapa mencari ikhtiar.

Di sini saya merayu kepada Kerajaan banyak institusi-institusi pelajaran sekarang ini tumbuh dalam negeri kita ini seperti Maktab Adabi, Yayasan Anda dan lain-lainnya. Saya suka hendak bertanya kepada Kerajaan pernahkah Kerajaan membantu yayasan-yayasan ini untuk bergerak menampung murid-murid yang tidak lulus dalam S.R.P., S.P.M. atau S.T.P. dan apakah langkah-langkah yang patut diberi oleh Kementerian Pelajaran kepada institusi-institusi ini, kerana mereka itu menolong Kerajaan Negeri ini menempatkan anak-anak yang tidak ada peluang mencapai pelajaran yang lebih baik, mudah-mudahan kalau mereka besar, mereka berpeluang mengambil bahagian di dalam negara ini. Jikalau sekiranya Kementerian Pelajaran tidak mengambil satu daya-usaha tentulah anak-anak yang tidak berpeluang ini apabila mereka besar akan jadi liar dan akan mempunyai fahaman yang berlainan dan penyakit ini akan ditanggung oleh Kerajaan. Inilah saya merayu kepada Kerajaan supaya perkara ini patut ditimbangkan.

Akhirnya, saya ucapkan terima kasih dan menyokong usul yang dibawa oleh sahabat saya Datuk Nik Hassan.

6.26 pm.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong atas Ucapan Terima Kasih usul yang telah dikemukakan oleh Datuk Nik Hassan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana dalam Titah Ucapan ini dapatlah saya bercakap sepatah dua.

Yang pertama sekali, saya suka membawa di sini ialah atas kelambatan jabatan-jabatan membayar pencen. Ini telah dicakapkan dan

dipersoalkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan tunggakan. Apa yang saya hendak cakapkan bukan fasal tunggakan, tetapi pembayaran pencen yang lambat. Pada masa dahulu dikatakan pembayaran pencen yang lambat adalah atas Kerajaan-kerajaan Negeri melambatkannya. Bila kita berhubung dengan Kerajaan Negeri dalam soal-soal ini, maka didapati perkara ini telahpun dibawa kepada Kerajaan Pusat, tetapi pembayarannya lambat sehingga 4 tahun ada yang tidak dibayar lagi. Ini amat mendukacitakan sekali dalam perkara ini. Kalau kita katakan dalam setahun ataupun 5—6 bulan tidak mengapalah, tetapi ini sampai 4 tahun tidak dibayar. Jadi tentulah mendukacitakan kita mendengarnya kepada mereka yang merayukan di dalam soal ini.

Selain daripada itu, saya suka menarik perhatian berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru di bawah Rancangan Malaysia Kedua ini. Di dalam soal ini juga kalau kita perhatikan dalam dasar ini tentulah kita mengucap-kan banyak terima kasih kepada Kerajaan, kepada Kementerian-kementerian, Badan-badan Berkanun, Pengarah-pengarah yang tidak berhenti-henti kalau kita bandingkan daripada masa penjajah dahulu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok. Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 16hb Mei, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.